فتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"DUNIA dan budaya manusia tidak akan berhenti dari berubah, tetapi bukanlah semua perubahan itu bernama 'tamadun'. Ada perubahan yang membawa kepada keburukan. Dan perubahan seperti ini dapat disifatkan sebagai 'virus' jahiliah yang sangat membahayakan.
- Titah Majlis Sambutan Awal Tahun Hijrah 1425 pada 1 Muharam 1425 Hijrah / 22 Februari 2004 Masihi.

Pelita BRUNEI

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

"MAHA suci Allah yang telah menciptakan semuanya berpasang-pasangan sama ada yang tumbuh di bumi atau daripada mereka sendiri ataupun daripada yang mereka tidak mengetahuinya."
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Yaa Siin, ayat 36).

TAHUN 61 / BILANGAN 53 | 2 MEI 2016 / 1437 رجب 24 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# Cegah penyakit melalui imunisasi

**Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 April. - Vaksin adalah cara yang paling berkesan untuk melindungi diri dan anak-anak kita daripada penyakit-penyakit yang mengancam nyawa.

Penyakit-penyakit yang boleh dicegah oleh vaksin terus menjadi ancaman pada kesihatan individu, keluarga dan masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Penyakit campak boleh menyebabkan radang paru-paru, sawan, kerosakan otak dan kematian. Manakala penyakit beguk boleh menyebabkan pekak dan meningitis. Kanak-kanak yang tidak divaksinasi adalah 23 kali lebih terdedah untuk menghidap penyakit batuk kering pertusis berbanding dengan kanak-kanak yang menerima vaksinasi sepenuhnya.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi berkata demikian dalam perutusannya bersempena dengan Minggu Imunisasi Serantau 2016 yang diraikan pada 24 hingga 30 April 2016 dengan tema 'Vaksinasi Adalah Tanggungjawab Semua, Lindungi Masyarakat Awda. Berimunisasi Sepanjang Hidup'.

Yang Berhormat melahirkan rasa syukur kerana Kementerian Kesihatan kini mempunyai program imunisasi yang mantap bagi pelbagai penyakit yang boleh dicegah melalui vaksin termasuk Program Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan bagi 0 hingga 5 tahun dan Program Vaksinasi Human Papilloma Virus di sekolah-sekolah. Vaksin tersebut adalah percuma, selamat dan boleh melindungi anak daripada penyakit-penyakit yang berbahaya.

Yang Berhormat menyatakan bahawa Minggu Imunisasi Serantau ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai penyakit-penyakit yang boleh dicegah melalui imunisasi, serta untuk menggalakkan setiap individu, keluarga dan masyarakat untuk mendapatkan vaksin.

Tema 'Vaksinasi Adalah Tanggungjawab Semua, Lindungi Masyarakat Awda. Berimunisasi Sepanjang Hidup', adalah relevan di negara ini kerana ia menyokong tiga strategi utama Kementerian Kesihatan iaitu untuk menerapkan bahawa kesihatan adalah tanggungjawab semua, mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit dan memberi perkhidmatan cemerlang melalui penyepaduan dan pensejajaran perkhidmatan-perkhidmatan penjagaan kesihatan, tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, tidak ada tindakan yang boleh diambil oleh seseorang individu yang lebih berkesan secara klinikal dan kos efektif selain dari bervaksinasi untuk melindungi kesihatan dan kesejahteraan diri.

Ke muka 5

# Berangkat menziarahi jenazah YAM Pengiran Jaya Indera



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid yang telah kembali ke rahmatullah. Berangkat sama ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri. - Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah (*Lihat muka 3*).

# Institusi keluarga mesti diperkukuh

KELUARGAKU HARAPANKU

TEMA

كلوارڬ برواوسن

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mei. - Institusi keluarga itu wajar dan mesti diperkukuh kerana kalau tidak ia akan berantakan.

Perkara ini dinyatakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa menyampaikan Ceramah Perdana bertajuk 'Pengukuhan Institusi Keluarga' sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2016 bertempat di Dewan Teater Utama, Bangunan Jabatan Perdana Menteri (JPM), di sini.

"Memang wajar institusi keluarga itu mesti diperkukuh, kerana kalau tidak, jawabnya ialah 'berantakan', keluarga berantakan. Kita tidak tidak mahu keluarga berantakan. Lebih-lebih lagi Islam adalah tidak mahu keluarga berantakan," tegas Yang Berhormat lagi.

Menurut Yang Berhormat, keluarga berantakan adalah keluarga malang, tidak bernasib baik dan tidak berbahagia.

Katanya, kita semua sebenarnya, mengimpikan kebahagiaan, malah Islam sendiri pun telah menunjukkan jalan atau memberi panduan bagaimana kebahagiaan itu boleh dicapai.

Tetapi katanya, kita cuai, tidak mengambil berat terhadapnya kerana kita lebih gemar memilih 'gaya' sendiri-sendiri, tanpa menghiraukan petunjuk atau panduan itu yang mana akan menjadikan kehidupan ini satu musibah dan keluarga berantakan.

Yang Berhormat menegaskan, Islam telah menunjukkan bagaimana membina keluarga, iaitu betul-betul seperti kita membina rumah, iaitu bermula dari tapaknya yang mana perlu kita cari tapak yang baik dan kemudian dilihat pula bahan-bahan binaannya.

"Maka demikian itulah juga dengan membina rumah tangga atau keluarga, tapak dan bahan, tidak boleh tidak, mesti diperinci," jelasnya lagi.

Tambahnya, tapak itu ialah pasangan suami isteri, iaitu wadah untuk melahirkan keturunan dan keturunan itulah ibarat tumbuh-tumbuhan yang mana dari tapak yang baik akan tumbuh benih yang baik pula.

Ke muka 7



Muka 5

KESEDARAN keselamatan tempat kerja penting



Muka 8

HUBUNGAN Brunei - UK, Northern Ireland terus akrab

# Akademi Pertahanan berperanan lahirkan pemimpin tentera berkebolehan



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sempena Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-14 Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan ABDB pada hari Khamis, 20 Rejab 1437 Hijrah / 28 April 2016 Masihi.

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillahi Rabbil'alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunyaa Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du**

ALHAMDULILLAH, dengan rahmat dan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, maka dapatlah kita hadir di Upacara Sovereign's Parade Pengambilan Ke-14, Sekolah Pegawai Kadet, Akademi Pertahanan, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Dengan rasa amat gembira, beta mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pegawai-pegawai Kadet di atas pertunjukan perbarisan yang sangat baik dan kemas sebentar tadi. Kegembiraan ini tentunya, turut dikongsi sama oleh para ibu bapa dan kaum keluarga Pegawai-pegawai Kadet sekalian.

Beta mengambil maklum, bahawa 34 orang Pegawai Kadet dari Pengambilan Ke-14 telah pun berjaya menjalani latihan padu selama 52 minggu. Beta juga turut difahamkan, di antara yang akan menerima tauliah pada pagi ini ialah seorang Pegawai Kadet berkelulusan Doktor Perubatan dan dua orang Pegawai Kadet lepasan Ijazah Doktor Pergigian.

Hari ini adalah detik bersejarah bagi Pengambilan Ke-14 dan sekali gus bagi Akademi Pertahanan, khasnya Sekolah Pegawai Kadet kerana perbarisan pada pagi ini adalah merupakan perbarisan tamat latihan bagi Pegawai Kadet yang pertama kali diadakan di tapak baru Akademi Pertahanan.

Sekolah Pegawai Kadet mempunyai peranan besar dalam melatih, mendidik dan membimbing Pegawai-pegawai Kadet. Latihan adalah dihasratkan untuk melahirkan pemimpin-pemimpin tentera yang berkebolehan dan berilmu yang dapat menangani tugas dengan baik dan malah yang lebih dari itu, mampu untuk menghadapi cabaran-cabaran mendatang.

Beta yakin, Pegawai-pegawai Kadet yang menamatkan latihan pada hari ini adalah mampu untuk melaksanakan tanggungjawab dan peranan yang lebih besar dari apa yang pernah dilalui oleh mereka sebelum ini. Mereka juga perlu untuk sentiasa peka dengan perkembangan geo-strategik dan geo-ekonomik yang melibatkan bidang pertahanan negara. Keupayaan dan keprihatinan mereka di sini tidak syak lagi dapat membantu pihak atasan dalam membuat keputusan-keputusan dasar secara lebih efektif dan cekap bagi pertahanan dan keselamatan negara.

Selain itu, beta juga percaya, semua Pegawai Kadet dapat mempamerkan disiplin yang tinggi dan keolahan terpuji dalam masa menjalankan amanah dan tanggungjawab untuk negara. Beta yakin mereka layak untuk jadi *role-model* yang memiliki ciri-ciri 'Lead By Example' kepada sekalian anggota bawahan yang akan dipimpin nanti.

Akademi Pertahanan ABDB kini telah pun berpindah ke tapak baru, yang lebih moden dan kondusif untuk latihan-latihan ketenteraan. Infrastruktur yang luas dan baru ini adalah merupakan satu pelaburan besar yang diikhtiarkan oleh kerajaan beta bagi menjana pembangunan kapasiti sumber manusia Angkatan Bersenjata kita. Ia turut berperanan untuk menaikkan imej dan profil Akademi Pertahanan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Beta berharap, dengan adanya tapak ini, akan membolehkan Akademi Pertahanan menjadi sebuah pusat pendidikan dan latihan ketenteraan yang benar-benar berjaya, sama ada secara dalaman mahupun di mata luar.

Tetapi perlu diingat, pertahanan bukanlah setakat bergantung kepada peralatan dan persenjataan semata-mata, malah turut penting ialah keupayaan para anggota dalam memainkan peranan masing-masing. Jika peranan itu berjaya dilaksanakan dengan baik, maka tidak syak lagi ia akan menjadi nilai tambah kepada peralatan dan persenjataan.

Akhir kata, kepada seluruh warga Akademi Pertahanan ABDB khasnya warga Sekolah Pegawai Kadet, pegawai pemerintah, pegawai-pegawai, 'Colour Sergeant' dan para jurulatih, beta sekali lagi merakamkan penghargaan, atas usaha gigih mereka dan berharap semoga kualiti kejurulatihan akan terus berkembang melalui pengalaman yang boleh dibawa ke pengambilan yang seterusnya.

Maka dengan merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan berkat kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, beta dengan sukacita mengurniakan tauliah sebagai Pegawai ABDB, kepada 34 orang Pegawai Kadet Pengambilan Ke-14.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Dari Sidang Pengarang.

2 MEI 2016 BERSAMAAN 1437 رجب 24

### KASIH IBU MEMBAWA KE SYURGA, KASIH AYAH SEPANJANG MASA

Kasihnya ibu, Membawa ke syurga, Kasihnya saudara masa berada.
Berkorban raga, Rela binasa, Berkorban nyawa, Tanda kasihnya.
Kasihnya ayah, Sanggupkah berpisah, Dan kasih anaknya, Berkorban nyawa.
Biar pun jiwa, Akan terseksa, Ikhlas dan rela, Asal kau bahagia.

**KEWUJUDAN** kita hari ini sesungguhnya satu nikmat yang amat besar daripada Allah melalui dua orang insan mulia bernama ibu dan bapa. Cuba kita sama-sama renungkan makna yang tersirat dari lirik lagu di atas. Kasih ibu bapa tidak akan pernah sirna walaupun anaknya pernah mengasari dan menyinggung perasaan mereka. Ibu bapa tidak akan sanggup melihat anaknya menderita. Rela menggadai nyawa, berkorban jiwa dan raga dan rela binasa tanda kasih mereka. Biarpun jiwa mereka akan terseksa namun mereka tetap ikhlas asalkan sahaja anak-anak belahan jiwa mereka bahagia. Nah betapa agungnya kasih sayang dan pengorbanan makhluk Allah ini.

Ibu bapa merupakan insan yang paling mulia dan berjasa dalam kehidupan seorang anak. Belaiannya memenuhi setiap ruang nadi kehidupan sehingga memancarkan kedamaian dari celah-celah hati dan wajahnya. Ketulusan hati dan ketinggian budinya menghiasi persada nurani membekalkan harapan dalam menghadapi cabaran masa depan.

Keagungan ajaran Islam mewariskan segala aspek kehidupan termasuk hubungan di antara anak dengan ibu bapa. Jika anak mengabaikan tanggungjawab tersebut, maka musnahlah sendi agamanya dan hancurlah nilai kehidupannya. Kederhakaan anak akan mewariskan penderitaan berpanjangan dan menguburkan berkat dalam kehidupan dunia dan akhirat.

Menjadi anak yang bertanggungjawab kepada orang tuanya memang merupakan satu saranan wajib dipatuhi kerana dalam Islam menggariskan anak-anak wajib menjaga kebajikan ibu dan ayah mereka, apabila mereka telah tua apatah lagi sekiranya mereka telah terlantar sakit.

Dalam memberikan tanggungjawab kepada siapa seharusnya penjagaan kedua orang tua itu tidaklah penting siapa yang seharusnya memberikan perhatian dalam penjagaan tersebut baik anak lelaki mahupun anak perempuan.

Di sini pentingnya kemahiran keibubapaan kerana masyarakat hari ini kurang dengan kemahiran berkenaan. Dari dahulu kita telah mendidik anak-anak lelaki kita bekerja dan anak-anak perempuan lebih rapat dengan ibu. Sepatutnya dari kecil lagi mereka perlu dididik secara sama rata sikap kebertanggungjawaban ke atas kerja-kerja rumah dan kebajikan ibu dan bapa serta ahli keluarga.

Salah satu peranan yang penting bagi anak untuk menjamin kebahagiaan keluarga adalah bersahsiah mulia dan berbudi bahasa. Tingkah laku anak yang sopan dapat melegakan ibu bapa yang menghadapi pelbagai persaingan dan kerungsingan dalam kerjaya mereka. Hal ini selaras dengan peribahasa, 'Yang merah itu saga, yang kurik itu kundi, yang baik itu bahasa, yang indah itu budi.' Sehubungan itu, setiap anak perlu sentiasa bertutur dengan lemah lembut dan berhemah tinggi untuk melayani ibu bapa mereka. Kita tidak patut bertengkar dengan adik-beradik sehingga merisaukan orang tua kita.

Secara tuntasnya, anak memainkan peranan yang penting untuk membahagiakan keluarga mereka. Anak yang bersopan, bertanggungjawab, berdisiplin, rajin dan menghargai jasa ibu bapa dapat melahirkan keluarga sakinah. Walau bagaimanapun, setiap anggota keluarga perlu bermuafakat seperti peribahasa, 'bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat' untuk mewujudkan institusi kekeluargaan yang utuh dan sejahtera. Atas persefahaman dan kerjasama setiap anggota keluarga, program 'Rumahku, Syurgaku' dan 'Semakin Hari Semakin Sayang' baru dapat direalisasikan.

Hanya anak yang soleh menikmati makna hakiki dari kehidupannya, kerana dapat menghirup air kedamaian daripada kedua-dua ibu bapanya, insyaAllah. Hargailah ibu bapa selagi hayat dikandung badan. 'Selamat Hari Keluarga Kebangsaan 2016. Keluargaku Harapanku'.
**- Ketua Penyuntingan PB (Nh).**




### وقت سمبهيڠ داءيره بروني موارا دان تمبوروڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى

وقت سمبهيڠ ، امساك ، شوروق دان ضحى باڬي داءيره بروني موارا دري هاري اثنين 2 مي 2016 برساماءن دڠن 24 رجب 1437 هيڠڬ كهاري احد 8 مي 2016 برساماءن 1 شعبان 1437 اداله سڤرت دباوه اين:

| مسيحي مي | هاري | هجريه رجب | امساك | صبح | شوروق | ضحى | ظهر | عصر | مغرب | عشاء |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2 | اثنين | 24 | 4 . 38 | 4 . 48 | 6 . 08 | 6 . 31 | 12 . 18 | 3 . 36 | 6 . 26 | 7 . 38 |
| 3 | ثلاث | 25 | 4 . 38 | 4 . 48 | 6 . 08 | 6 . 31 | 12 . 18 | 3 . 36 | 6 . 26 | 7 . 38 |
| 4 | رابو | 26 | 4 . 37 | 4 . 48 | 6 . 08 | 6 . 31 | 12 . 18 | 3 . 36 | 6 . 26 | 7 . 38 |
| 5 | خميس | 27 | 4 . 37 | 4 . 47 | 6 . 08 | 6 . 31 | 12 . 18 | 3 . 37 | 6 . 26 | 7 . 38 |
| 6 | جمعة | 28 | 4 . 37 | 4 . 47 | 6 . 08 | 6 . 31 | 12 . 18 | 3 . 37 | 6 . 26 | 7 . 39 |
| 7 | سبتو | 29 | 4 . 36 | 4 . 46 | 6 . 07 | 6 . 31 | 12 . 18 | 3 . 37 | 6 . 26 | 7 . 39 |
| 8 | احد | 1 شعبان | 4 . 36 | 4 . 46 | 6 . 07 | 6 . 30 | 12 . 18 | 3 . 37 | 6 . 26 | 7 . 39 |

وقت ٢ سمبهيڠ باڬي داءيره توتوڠ دتمبه ساتو مينيت دان داءيره بلاءيت دتمبه تيڬ مينيت دان سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نڬارا بروني دارالسلام دمولاءي دري ڤوكول 12.45 تڠه هاري مي

| AMBULANS | POLIS | BOMBA | PENYELAMAT | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK, JABATAN PENGANGKUTAN DARAT, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam | NDMC |
|---|---|---|---|---|---|
| 991 | 993 | 995 | 998 | 123 | 2380214 |

# Berangkat menziarahi jenazah YAM Pengiran Jaya Indera



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Hamzah Mohidin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 1 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menziarahi jenazah Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid yang telah kembali ke rahmatullah pada hari Sabtu, 23 Rejab 1437 Hijrah bersamaan 30 April 2016 Masihi, jam 7.40 malam ketika berusia 85 tahun.

Berangkat sama menziarahi jenazah Allahyarham di kediamannya di Kampung Telanai ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bersama-sama menunaikan Sembahyang Jenazah Berjemaah yang diimamkan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Allahyarham Yang Amat Mulia dilahirkan pada 19 September 1930, di Kampung Kianggeh, Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan) dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kajang, Pekan Brunei dari tahun 1939 hingga 1942.

Selepas itu, Allahyarham Yang Amat Mulia meneruskan persekolahan di Sekolah Roman Catholic Mission School, Pekan Brunei.

Allahyarham Yang Amat Mulia pernah bertugas sebagai Pegawai Penyiaran dan Penerangan, Daerah Brunei dan Muara, kemudian dilantik sebagai Ketua Adat Istiadat Diraja Dalam Istana pada 8 Mei 1968 dan setelah itu bertugas di Pejabat Grand Chamberlain, Istana Darul Hana dengan jawatan yang sama pada tahun 1995.

Pada tahun 1956, Allahyarham Yang Amat Mulia merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Diraja dan pernah menjadi Naib Yang Di-Pertua Majlis Olimpik Kebangsaan Negeri Brunei.

Atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Allahyarham Yang Amat Mulia telah diangkat menjadi Cheteria Tambahan di Bawah Cheteria 16, 'Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana' pada 4 Mei 1968, dan dinaikkan pangkat gelaran kepada Cheteria 16, 'Pengiran Jaya Indera' pada 9 Mei 1996.

Selain itu, Allahyarham Yang Amat Mulia juga telah dikurniakan dengan beberapa Bintang Kebesaran dan Pingat Kehormatan, antaranya Darjah Kerabat Laila Utama Yang Amat Dihormati (Dato Laila Utama - D.K.) pada tahun 1972; Darjah Kerabat Seri Utama Yang Amat Dihormati (Dato Seri Utama - D.K.) pada tahun 1970; Darjah Setia Negara Brunei Yang Amat Bahagia Darjah Kedua (Dato Setia - D.S.N.B.) pada tahun 1968; Darjah Seri Paduka Mahkota Brunei Yang Amat Mulia Darjah Kedua (Dato Paduka - D.P.M.B.) pada tahun 1968; Darjah Pahlawan Negara Brunei Yang Amat Perkasa Darjah Ketiga (P.N.B.) pada tahun 1963; Pingat Hassanal Bolkiah Sultan (P.H.B.S.) pada tahun 1968; Pingat Bakti Laila Ikhlas (P.B.L.I.) pada tahun 2008; Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) pada tahun 1968; Pingat Kerja Lama (P.K.L.) pada tahun 1967; Honorary Officer of The Most Excellent Order of the British Empire (C.V.O) pada tahun 1972; Honorary Member of The Royal Victorian Order (M.V.O) pada tahun 1992 dan Pingat Peringatan Jubli Perak - Selangor pada tahun 1987.

Selain itu, Allahyarham Yang Amat Mulia juga menerima Anugerah 'Pemimpin Belia Berjasa' semasa Majlis Belia Brunei pada 1 Ogos 2006.

Semasa hayatnya, Allahyarham Yang Amat Mulia bertanggungjawab memerhatikan usaha sesuatu penyelidikan bagi sesuatu perkara yang dianggap boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman negara serta mengadakan penyelidikan dan pengkajian mengenai masalah yang berkaitan dengannya untuk disembah maklumkan kepada sultan.

Di samping itu, Allahyarham Yang Amat Mulia juga aktif bersukan dan membuat kerja kebajikan.

Jenazah Allahyarham dikebumikan di Tanah Perkuburan Orang-orang Islam Kilometer 6, Kampung Telanai.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah daripada ahli keluarga Allahyarham Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Indera Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

# Berangkat menyaksikan perlawanan Liga Singapura

Oleh : Samle Haji Jait
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan perlawanan Liga Singapura di antara pasukan Brunei DPMM FC menentang pasukan Geylang International FC. Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



BERANGKAT sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 30 April. - Pasukan Brunei DPMM FC gagal manfaatkan peluang beraksi di depan penyokong sendiri apabila tewas 1 - 2 oleh pasukan Geylang International FC di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Berangkat menyaksikan perlawanan persaingan Liga Singapura (Liga S) ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berserta kerabat diraja yang lain.

Pasukan Brunei DPMM FC bermula garang dengan melakukan asakan-asakan bertali arus sebaik wisel bermula sehingga mencipta beberapa peluang keemasan di depan gawang.

Rembatan kencang Rafael Ramazotti, ledakan Paulo Sergio dan sentuhan menarik Maududi Kasmi semuanya berjaya didakap kemas penjaga gol pelawat, Syazwan Buhari.

Sebaliknya, pasukan didikan Hasrin Jailani pula bijak manfaatkan peluang terhidang menerusi Shawal Anuar yang berjaya menewaskan Wardun Haji Mohd. Yussof pada minit ke-30.

Tersentak dari jaringan itu, Brunei DPMM FC bangkit untuk mencari jaringan penyamaan. Sergio hampir sahaja menyamakan kedudukan apabila melepaskan tandukan yang gagal ditepis penjaga gol tetapi tiang gol pula menjadi penyelamat pasukan Geylang International FC.

Kemudian, Sergio kembali hampir apabila gerakan menarik satu-dua dalam kotak penalti menyaksikan rembatan yang tidak cukup deras untuk menggegarkan gawang pasukan pelawat.

Selepas ketinggalan pada babak pertama, Brunei DPMM FC terus menggandakan asakan, tetapi pertemuan itu bagai bukan milik Ramazotti yang sentiasa mempunyai peluang, tetapi gagal menembusi gawang lawan.

Namun kehampaan Ramazotti berjaya dibaluti menerusi sepakan penalti selepas Sergio dihadang keras di dalam petak penalti oleh pemain pertahanan, Faritz Hameed.

Sentuhan jaringan penyamaan Ramazotti berjaya menyuntik semangat rakan-rakan, tetapi Geylang International FC bijak bertahan malah lebih bernasib baik memperolehi jaringan pada minit akhir perlawanan menerusi Faritz Hameed untuk jaringan 2 - 1.



MAUDUDI Kasmi (dua kiri) ketika cuba untuk membuat asakan ke benteng Geylang International FC.



AZWAN Salleh (kanan) ketika cuba mengatur serangan untuk melepaskan pemain pertahanan Geylang International FC.

# Kesedaran keselamatan tempat kerja penting

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Masri Osman**

**TUNGKU,** Khamis, 28 April. - Risiko psikososial seperti meningkatnya persaingan, harapan tinggi terhadap prestasi dan waktu bekerja yang lebih panjang akan menyumbang pada persekitaran kerja yang semakin tertekan.

Bahaya psikososial adalah faktor tempat kerja yang boleh menyebabkan tekanan termasuk interaksi, syarat dan budaya yang memberi kesan pada prestasi pekerja, kesihatan dan kepuasan kerja.

Walaupun tekanan di tempat kerja adalah perkara biasa, namun tekanan yang berlebihan boleh mengganggu produktiviti dan memberi kesan kepada kesihatan fizikal dan emosi pekerja.

Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Rani bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof menekankan perkara tersebut pada Majlis Sambutan sempena Memperingati 'World Day for Safety and Health at Work 2016' bertempat di Dewan Kuliah, Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Sehubungan itu, jelas Awang Haji Rani, program yang berkesan untuk mencegah tekanan di tempat kerja termasuk pengenalpastian risiko psikososial dan penilaian prestasi kerja dan masalah peribadi yang disebabkan oleh tekanan.

Oleh itu tambahnya, adalah penting bagi semua untuk menyedari keperluan terhadap punca-punca tekanan di tempat kerja dan bagaimana untuk mencegahnya.

Pemangku Pesuruhjaya Buruh seterusnya berkata, beberapa punca utama kemalangan di tempat kerja dan insiden di negara ini yang kebanyakannya berlaku dalam industri pembinaan adalah pekerja jatuh dari ketinggian dan objek yang jatuh ke atas pekerja.

Majikan dan pekerja tambahnya, perlu berusaha untuk terus meningkatkan kesedaran akan risiko dan bahaya apabila bekerja di tempat tinggi dan latihan yang betul perlu diberikan kepada semua pekerja khususnya mereka yang bekerja di tempat tinggi.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa menyaksikan pameran pada Majlis Sambutan sempena Memperingati 'World Day for Safety and Health at Work 2016'.

Dalam hubungan itu jelasnya, majikan diingatkan supaya memastikan bahawa pekerja mereka mengetahui isu-isu keselamatan dan kesihatan asas dan dilatih mengenai keselamatan bekerja di tempat tinggi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Majlis turut dimuatkan dengan taklimat khas disampaikan oleh Mr. Clement Tan dari Syarikat Ken Knowledge International Private Limited, Singapura yang antara lain menerangkan mengenai mustahaknya cara berkomunikasi dalam keselamatan dan kesihatan di tempat kerja kerana ia mampu mengelakkan kecederaan dan menyelamatkan nyawa selain menanamkan keyakinan para pekerja dalam kepimpinan dalam organisasi.

Selain itu menurutnya, ia mampu mengurangkan kos penjagaan kesihatan disebabkan oleh kecederaan serta meningkatkan moral pekerja.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kemudiannya merasmikan Pameran Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja yang terdiri dari syarikat swasta dan agensi kerajaan yang terlibat.

Majlis diakhiri dengan taklimat daripada wakil Kementerian Kesihatan, Dayang Nur Syahirah Chua binti Md. Firdaus Chua.

Dengan bertemakan 'Workplace Stress A Collective Challenge', majlis merupakan salah satu inisiatif Jabatan Buruh dan ahli-ahli jawatankuasa kerja bagi Pelaksanaan Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 bagi memperingati 'World Day for Safety and Health at Work 2016' dengan kerjasama Pejabat Keselamatan dan Kesihatan & Alam Sekitar (OSHE), UBD.

Salah satu objektif majlis ialah untuk mendukung International Labour Organization (ILO) bagi memperingati 'World Day for Safety and Health at Work 2016' yang diadakan pada 28 April setiap tahun. Dengan adanya majlis sedemikian ia dapat meningkatkan lagi kesedaran pekerja-pekerja terhadap kepentingan keselamatan dan kesihatan tempat kerja.

## JMM dedahkan warisan tradisi kepada generasi muda



CUCUNDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Mulia Pengiran Qaiyimah Nurul Bolkiah binti Pengiran Haji Mohammad Hakimmuddin menyertai salah satu aktiviti pada Program 'Muziumku Warisanku'.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 30 April. - Lebih 150 murid Tahun 4 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berpeluang mengenali permainan-permainan tradisi yang merupakan warisan negara yang jarang kita lihat pada zaman yang serba moden dan canggih sekarang ini.

Pendekatan yang sangat berguna dalam mendedahkan warisan tradisi itu tidak lapuk ditenggelami zaman antara lain dimuatkan dalam Program 'Muziumku Warisanku' yang telah bermula pada Mac lalu dan hari ini diadakan di Sekolah Rendah YSHHB.

Antara yang berangkat ke program berkenaan ialah cucunda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Yang Mulia Pengiran Qaiyimah Nurul Bolkiah binti Pengiran Haji Mohammad Hakimmuddin.

Sementara itu, Pegawai Perkhidmatan Pelajaran di Jabatan Muzium-Muzium (JMM), Awang Haji Mahrin bin Haji Abas ketika ditemui berkata, program itu bertujuan untuk memberikan pendedahan mengenai warisan Negara Brunei Darussalam dan bangunan-bangunan muzium yang terdapat di negara ini.

Program itu juga memberikan pendedahan kepada golongan muda terutama kanak-kanak untuk mengenali muzium-muzium dengan lebih dekat serta memupuk rasa cintakan warisan budaya negara kitani.

Selain memperdengarkan taklimat dan menyaksikan klip video, para murid tambahnya, juga berkesempatan bermain dengan beberapa permainan tradisional seperti Pasang, Congkak, Saluk-Salukan, Buah Lapas-Lapas, Talang Gatah serta Simban.

Program tersebut juga akan terus dijalankan ke Sekolah Rendah Tungku pada Isnin depan ini nanti.



PARA murid berkesempatan bermain dengan permainan tradisional, iaitu Congkak.

# Cegah penyakit melalui imunisasi

**Dari muka 1**

"Imunisasi adalah penting pada setiap peringkat kehidupan yang mana pencegahan penyakit yang boleh dicegah dengan vaksin bermula sebelum anak damit dilahirkan. Vaksin Tetanus dan Influenza diberikan di kalangan wanita hamil untuk melindungi ibu dan anak damit daripada penyakit. Ketika lahir, anak damit diberikan vaksin Hepatitis 'B' dan BCG sebagai langkah pertama imunisasi terhadap penyakit berjangkit. Di sepanjang kehidupan kanak-kanak, mereka mendapat imunisasi dengan mengikuti Program Imunisasi Kebangsaan," ujar Yang Berhormat.

Sejak dua dekad yang lalu, tambah Yang Berhormat lagi, Program Imunisasi Kebangsaan di negara kita telah mencapai liputan yang tinggi, iaitu mencecah 100% setiap tahun. Sejak bermulanya Program Imunisasi Kebangsaan tersebut, Negara Brunei Darussalam telah disahkan berjaya mencapai kawalan jangkitan Hepatitis 'B' pada tahun 2013 dan disahkan bebas dari jangkitan campak pada Mac 2015. Kes terakhir Polio di Negara Brunei Darussalam adalah pada tahun 1978.

Walau adanya pencapaian tersebut, Yang Berhormat menegaskan supaya masyarakat Brunei tidak leka. Pengalaman negara-negara lain yang sebelum ini telah mencapai status bebas dari campak menunjukkan bahawa tatkala kadar jumlah vaksinasi menurun, penyakit ini boleh kembali dan mengakibatkan kesakitan, mahupun kematian di kalangan sesetengah kanak-kanak.

"Kita hidup dalam masyarakat global. Oleh yang demikian, ia mempunyai kesan ke atas cara penyakit-penyakit merebak hari ini. Batuk kering pertusis, campak dan beguk masih berkembang di negara-negara lain dan ianya boleh menjangkiti kanak-kanak yang tidak dilindungi dengan semudah menaiki kapal terbang sahaja. Kita mesti memastikan untuk terus melindungi diri dan anak-anak kita setiap masa," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menekankan bahawa semakin umur meningkat, adalah perlu untuk melindungi diri dari penyakit-penyakit serius yang boleh dicegah melalui vaksin.

"Virus Human Papilloma Virus (HPV) adalah penyebab utama kanser serviks atau pangkal rahim. Program Vaksinasi HPV telah diperkenalkan di sekolah-sekolah pada tahun 2012 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan, bagi kanak-kanak perempuan berumur 11 hingga 12 tahun dan kini program tersebut telah menunjukkan liputan lebih dari 90%," tambah Yang Berhormat.

Manakala pesakit yang menghidap penyakit tidak berjangkit seperti diabetis atau penyakit jantung mempunyai risiko lebih tinggi untuk mendapat jangkitan penyakit jika dibandingkan dengan orang lain.

Oleh itu, Yang Berhormat mengesyorkan pesakit menghidap penyakit tidak berjangkit untuk mendapatkan suntikan vaksin influenza setiap tahun. Vaksin ini boleh diperolehi di semua pusat-pusat kesihatan di seluruh negara dan di pusat vaksinasi.

"Penyakit-penyakit merebak lebih cepat dalam masyarakat yang tidak diberikan vaksinasi. Lebih ramai orang yang divaksinasi, maka kemungkinan jangkitan dari seorang ke seorang akan berkurangan. Ini dipanggil imuniti secara 'kumpulan *(herd)*'. Inilah sebabnya mengapa mengvaksinasi diri dan anak kita melindungi bukan sahaja individu yang diberikan vaksin, tetapi semua yang lain, termasuk mereka yang terlalu muda atau tidak dapat diberikan vaksinasi. Anak damit yang baru lahir, iaitu masih terlalu muda untuk suntikan adalah lebih terdedah kepada penyakit dan mempunyai risiko lebih tinggi untuk mendapat komplikasi serius jika dijangkiti," ujar Yang Berhormat.

"Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab setiap orang untuk mendapatkan vaksin bagi diri dan anak-anak mereka. Jika tidak pasti mengenai status vaksinasi atau bimbang tentang penyakit tertentu, sila berjumpa dengan doktor atau jururawat awda," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat dan Kementerian Kesihatan mengharapkan sokongan yang berterusan serta penglibatan aktif dari semua peringkat masyarakat - individu, keluarga dan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk pihak sekolah-sekolah untuk bekerjasama dalam mengekalkan dan mempertingkatkan perlindungan imunisasi di semua peringkat umur di Negara Brunei Darussalam sebagai langkah bagi mengelakkan kemunculan semula penyakit merbahaya serta penderitaan yang berkaitan dengannya, dan sama-sama memainkan peranan dalam melindungi serta mempromosikan Negara Brunei Darussalam yang sihat.

# MAJLIS KESYUKURAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN 2016

## Daerah Brunei dan Muara



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (lima, kanan) bersama para jemaah menadah tangan memohon doa bersempena dengan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan 2016.

**SENGKURONG**, Sabtu, 30 April. - Institusi keluarga ibarat tiang yang menjadi asas kepada sebuah rumah dan merupakan komponen penting dalam pembentukan sebuah masyarakat serta negara.

Bersempena dengan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2016, satu Majlis Kesyukuran telah diadakan di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampung Sengkurong.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Turut hadir ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Awang Haji Yaakub bin Pehin Orang Kaya Maharaja Diraja Dato Paduka Awang Haji Zainal, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin dan Yang Berhormat Awang Haji Jumat bin Akim.

Majlis telah dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Rozisham bin Haji Chuchu.

Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan Doa Tahlil dan Surah Yaa Siin serta bacaan Doa Khas HKK 2016 dan kemudiannya disudahi dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Haji Mohd 'Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam; Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali dan Awang Haji Muhammad Sunadi bin Haji Buntar; ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya serta para jemaah yang menetap di kawasan sekitar masjid berkenaan.

Antara lain tujuan majlis diadakan adalah bagi mengukuhkan dan meningkatkan kesejahteraan keluarga dengan mewujudkan kesedaran serta mengiktiraf keluarga sebagai unit asas yang penting dalam membina masyarakat penyayang ke arah keharmonian dan kesejahteraan negara.

## Daerah Tutong



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman (empat, kanan) ketika Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Khas Hari Keluarga Kebangsaan 2016 di Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong.

**TUTONG**, Sabtu, 30 April. - Bagi memberkati dan mengimarahkan lagi serta memohon perlindungan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dalam menyambut Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2016, seluruh masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat di negara ini serentak mengadakan Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Khas HKK.

Bagi Daerah Tutong, tumpuan diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong, di sini.

Terdahulu, Sembahyang Fardu Maghrib, Sembahyang Sunat Hajat dan bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh imam masjid tersebut, Awang Sahibol Omar bin Haji Mohd. Yusof.

Majlis diteruskan lagi dengan bacaan Doa Tahlil dan Doa Khas HKK dan Sembahyang Fardu Isyak

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Berjemaah yang diimamkan oleh Ketua Imam masjid tersebut, Awang Mohd. Fauzi bin Haji Anuar.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Turut hadir pada majlis yang penuh keberkatan ini ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara di daerah ini; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof; dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam serta orang perseorangan.

HKK merupakan satu pengiktirafan negara kepada penduduk Negara Brunei Darussalam seperti yang pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mencerminkan keprihatinan baginda terhadap kekukuhan rakyat baginda yang bermastautin di negara ini.

## Daerah Belait



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (tiga, kiri) antara yang menyertai Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Khas Hari Keluarga Kebangsaan Ke-5, Tahun 2016 di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Daerah Belait.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**BELAIT**, Sabtu, 30 April. - Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) disambut setiap awal minggu pertama dalam bulan Mei dan pada tahun ini secara kebetulan jatuhnya pada hari Ahad, 1 Mei 2016.

Setiap tahun lazimnya untuk memberkati sambutan dan memohon agar usaha dalam mengungkayahkan sambutan ini berjalan dengan lancar dan berjaya, Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Khas HKK diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat seluruh negara.

Bagi Daerah Belait pula, tumpuan majlis berkenaan diadakan di Masjid Mohammad Jamalul Alam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad yang juga Ketua Kampung Lumut I dan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin.

Juga hadir Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman; Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Hasmiron bin Haji Mohd.Taib; ketua-ketua jabatan kerajaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta jemaah dan penduduk di daerah ini.

Majlis yang dikelolakan bersama oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini dimulakandengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Sejurus itu, majlis diteruskan dengan membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai dipimpin oleh Imam masjid tersebut, Awang Haji Mohd. Alias bin Bakar dan diselajurkan bacaan Doa Khas dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Sementara Doa Kesyukuran sempena HKK 2016 dibacakan oleh Awang Akup bin Haji Lamat.

Tujuan Majlis Kesyukuran sempena Sambutan HKK Ke-5, Tahun 2016 diadakan bagi memohon keberkatan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dalam menjalankan usaha membangun kesejahteraan institusi keluarga agar kehidupan masyarakat Brunei Darussalam ini akan terus makmur di bawah taufik dan inayah Allah Subhanahu Wata'ala, di samping itu, untuk menyemarakkan dan memeriahkan lagi sambutan tersebut.

## Daerah Temburong

**TEMBURONG**, Sabtu, 30 April. - Seluruh negara akan meraikan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) sebagai menyedari akan pentingnya peranan institusi keluarga dalam menjamin kesejahteraan dan keharmonian negara.

Seperti lazimnya, sambutan didahului dengan Majlis Kesyukuran di semua masjid, surau dan balai ibadah di negara ini.

Bagi Daerah Temburong, tumpuan utama bagi Sembahyang Fardu Maghrib, Membaca Surah Yaa Siin, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Isyak Berjemaah sempena sambutan berkenaan diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, di sini.

Pada majlis penuh berkebajikan itu, Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Shafrillah bin Haji Ahmad, yang juga Imam Masjid Utama Mohammad Salleh.

Awang Haji Shafrillah kemudian mengepalai bacaan Surah Al-Fatihah

Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim

dan seterusnya memimpin bacaan Surah Yaa Siin.

Antara yang menyertai jemaah lain di majlis penuh keberkatan ini ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan isteri, Datin Hajah Zalina binti Haji Umar.

Juga menyertai majlis ini, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Harun bin Haji Junid; Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah serta Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Sambutan HKK 2016 bertemakan 'Keluarga Berwawasan' dihasratkan bagi meningkatkan lagi penyatuan dan perpaduan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini bagi sama-sama menjaga kesejahteraan dan keamanan negara.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (kiri) menyertai Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Khas Hari Keluarga Kebangsaan di Daerah Temburong.

# ICT sumber maklumat, intelek



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat ketika berucap pada Majlis Graduasi Kedua TelBru di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 27 April. - Sebagai *public goods or public utilities*, perkhidmatan perhubungan dan telekom menjadi asas penting pada kesejahteraan dan pembangunan terutama kepada masyarakat.

Bukan sahaja sebagai sumber perhubungan, tetapi juga sebagai sumber intelek dan maklumat melalui apa yang kita kenal sebagai ICT.

Berucap pada Majlis Graduasi Kedua TelBru, Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat menjelaskan bahawa trend ini telah membentuk satu tamadun masyarakat yang berilmu (*knowledge based society*) meliputi semua kegiatan manusia sama ada ekonomi, pengurusan, perundangan dan sebagainya.

Menurut Yang Berhormat, permintaan orang ramai terhadap perkhidmatan telekomunikasi yang cekap dan berkesan juga terus menjulang tinggi, supaya mereka dapat bersaing dan sentiasa bersedia untuk memberikan yang terbaik dalam urusan masing-masing.

"Telekom Brunei Berhad (TelBru) adalah salah satu agensi kerajaan yang awal diswastakan, kira-kira dalam 10 tahun yang lalu dengan tujuan untuk memperbaiki lagi sistem pengurusan melalui kaedah *corporate management* untuk memberikan perkhidmatan telekom yang cekap dan berkesan dan meningkatkan hasil pendapatan negara.

"Dalam konteks ini, kita bangga melihat TelBru terus berada di barisan hadapan dalam pemberian perkhidmatan yang berkesan, menyahut wawasan negara untuk membentuk rakyat dan masyarakat yang pintar dan berilmu pengetahuan. Di sinilah masanya kita meletakkan keyakinan kita terhadap pertumbuhan sektor swasta dan memanfaatkan kaedah penswastaan di negara ini.

"Objektif utama ialah untuk menjaga kepentingan jangka panjang negara (*the long term interest of the country*) seperti yang ditekankan dalam belanjawan negara tahun ini, iaitu mengukuhkan iklim perekonomian bagi mendukung pembangunan berterusan," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab atas dasar dan perkembangan ICT di negara ini, Kementerian Perhubungan akan terus memberi penekanan pada kestabilan pasaran dan perkembangan sektor ICT serta pembangunan yang seimbang (*balanced development*).

Ke arah ini, ujar Yang Berhormat, Kementerian Perhubungan terus berhadapan dengan beberapa cabaran, antaranya ialah aliran teknologi yang terus berkembang (*rapid change of technology*) dan realitinya bahawa negara kita terus berada sebagai pengguna (atau *receiving end of technology and not as a solution provider*) tanpa menumpukan perhatian pada penyelidikan dan pembangunan, hartanah intelek berunsur ICT yang didaftarkan di negara ini masih di tahap yang rendah.

TelBru, ujar Yang Berhormat, terus memainkan peranan yang penting, pada masa yang sama kita juga harus peka bahawa perkembangan di tempat lain atau luar negeri adalah jauh lebih *impressive* dan *inspirational* di mana ini jelas dalam aspek penguasaan teknologi dan *as a solution provider*.

Lebih tiga dekad dalam perkhidmatan telekomunikasi, Negara Brunei Darussalam memang sudah terbiasa dengan perkembangan teknologi telekom. Mungkin ada yang ingat pada tahun 90-an melalui Jabatan Telekom Brunei, kita telah mencapai kadar penembusan telefon rumah hampir 100 peratus.

"Kita juga adalah pengguna awal teknologi terkini seperti Next Generation Network (NGN), Fiber-to-the-Home (FTTH), rangkaian dan perkhidmatan 4G - LTE. Namun kita belum memanfaatkan sepenuhnya pelaburan dan prasarana yang ada yang boleh membawa kita ke tahap negara maju atau negara pengeluar," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya melahirkan rasa kekhuatirannya akan impak signifikan terhadap jurang digital yang semakin ketara di negara ini.

*Access to internet* menurut Yang Berhormat, terutamanya di kawasan luar bandar dan *Universal Connectivity* dalam kalangan rakyat di negara ini adalah satu cabaran yang akan membezakan perkembangan di negara ini dengan negara-negara yang membangun.

Sekarang terang Yang Berhormat, sudah ada gelombang baharu ataupun *new wave* dengan munculnya teknologi pintar yang memberikan makna baharu pada penggunaan teknologi dan perhubungan masa depan.

Apa yang lebih menarik, suasana ini tambah Yang Berhormat dijangka akan muncul menjelang tahun 2025 dan dianggarkan dunia akan mempunyai kira-kira 100 bilion sambungan yang mana melalui sambungan tersebut, kira-kira lima peratus adalah melalui aplikasi perniagaan seperti *retail, traffic management* yang membawa konsep *connected nations, smart society* dan juga *smart manufacturing*.

"Pakar-pakar industri yang juga meramal 5G dan Big Data akan menjadi platform penting bagi kemajuan dan perkembangan Internet of Things. Teknologi seumpama ini akan merubah segalanya yang mana rangkaian telekomunikasi akan menjadi lebih luas dan kompleks, beberapa penyedia baharu akan muncul dengan buisness model yang lebih inovatif dan mencabar," terang Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, Kementerian Perhubungan dan AITI akan terus menilai semula keberkesanan dasar pengawalseliaan yang ada sekarang, sesuai dengan suasana eko sistem ICT yang serba canggih.

Yang Berhormat menambah, kita mungkin memerlukan rejim Data Protection yang lebih kukuh untuk melindungi maklumat peribadi yang dihasilkan oleh infrastruktur yang berteknologi tinggi.

Untuk langkah ke hadapan, Yang Berhormat hendak mencadangkan untuk meningkatkan lagi usaha ke arah pelaksanaan projek FTTH dan High Speed Broadband melimpasi sasaran 40,000 rumah dan perniagaan pada tahun ini, di samping meluaskan Nationwide WiFi TelBru dari 50 lokasi yang ada, yang akan membolehkan semua pelanggan untuk menikmati *access to internet* bila-bila masa dan di mana jua (konsep *wireless service*).

Yang Berhormat juga percaya bahawa peningkatan infrastruktur akan membolehkan rakyat di negara ini untuk mencapai kelajuan purata internet yang tinggi dari apa yang ada sekarang 10Mbps, untuk setanding dengan negara-negara di rantau ini.

Hasrat Kementerian Perhubungan untuk mengurangkan jurang digital, jelas Yang Berhormat juga hanya akan dicapai melalui kerjasama rapat di antara sektor awam dan sektor swasta dengan menempatkan kepentingan sosial dan pembangunan dari kepentingan komersial.

Yang Berhormat juga berasa yakin bahawa melalui peluasan infrastruktur dan liputan perkhidmatan, lebih banyak peluang boleh diwujudkan bagi pembangunan ICT *enterprises* sebagai sektor penting untuk menjana peluang pekerjaan serta pertumbuhan ekonomi di negara ini. Ini selaras dengan wawasan yang digariskan di dalam Kertas Putih ICT yang dilancarkan baru-baru ini, sebagai strategi ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

# Institusi keluarga mesti diperkukuh

Dari muka 1

Terang Yang Berhormat, Islam sangat-sangat mengambil berat mengenai perkara memilih suami dan isteri kerana Islam mahu supaya pasangan-pasangan itu kekal berbahagia dan Islam mahu supaya keluarga atau rumah tangga yang dibina itu kukuh dan tidak berantakan.

Rumah tangga yang selamat dan berbahagia jelas Yang Berhormat, adalah rumah tangga yang tidak ada perang di dalamnya, yang tidak ada konfrantasi dan gelombang besar.

Menurut Yang Berhormat, perkara-perkara seperti ini berlaku kalau keluarga itu keluarga Islam yang mempunyai tipis akidahnya, iman dan pegangan agama yang lemah yang mana akan menjadikan rumah tangga mudah berantakan.

"Bagaimana tidak berantakan, kalau dalam rumah tangga itu misalnya, terdapat suami atau isteri yang curang? Atau terdapat suami yang tidak menunaikan tanggungjawabnya selaku suami? Berbulan-bulan malah bertahun-tahun tidak memberi nafkah kepada isteri dan anak-anak. Malah bukan setakat tidak memberi nafkah sahaja, kadang-kadang sampai mendera : mendera mental dan fizikal isteri.

Biasanya, kalau sudah berlaku keadaan seperti ini, maka rumah tangga pun adalah sukar untuk dipertahankan lagi, ibarat bangunan yang dilanda gempa kuat, mula-mula bergoncang dan tidak lama kemudian akan renyap menyembah bumi," jelas Yang Berhormat lagi.

Rumah tangga yang runtuh tegasnya, bukan sahaja ia sendiri yang runtuh, bahkan kesannya juga boleh menimpa generasi-generasi yang ada juga akan turut terjejas dan jika mereka terjejas bermakna bangsa dan umat juga akan terjejas.

Menyentuh mengenai kes-kes penceraian di Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat menjelaskan, ia dilihat meningkat mendadak, iaitu dalam tahun 2014, hanya 259 kes penceraian telah dicatat berbanding tahun 2015 yang meningkat ke 524 kes.

Melihat gambaran mengenai peningkatan penceraian itu, pada hemat Yang Berhormat, kalau kita cuma asyik bersambut-sambutan atau berteori sahaja, dikhuatiri hasrat pengukuhan akan tinggal jadi mimpi indah sahaja.

Oleh itu, katanya, ke arah untuk betul-betul memperkukuh institusi keluarga itu, kita mestilah merancang dengan rancangan-rancangan yang praktikal, iaitu dengan memperbaiki keadaan, menumpukan usaha untuk mencegah peningkatan itu dari terus berlaku.

Ujarnya, kita sudah tahu institusi keluarga itu rapuh dan lemah, maka mari kita cari jalan untuk merawat kerapuhan itu.

Untuk mengubati penyakit ini, tegasnya, kita mestilah memakai 'cara ketuhanan' yang mana tidak memadai dengan cara yang kita cipta sendiri-sendiri, seperti dengan hanya mengadakan acara-acara Hari Keluarga, berupa perkumpulan-perkumpulan ramai di antara keluarga, makan minum sambil berkelah atau bersukan atau bernyanyi-nyanyi dan menari.

Katanya, bukan itu cara merawat penyakit masyarakat dan penyakit rumah tangga, tetapi kita diminta rujuk kepada Allah dengan memakai metode dan disiplin ketuhanan, iaitu dengan mengembangkan dakwah dan nasihat.

Menurutnya, bermacam-macam cara atau saluran dakwah dan nasihat bagi mengubati penyakit masyarakat dan keluarga itu, antaranya paling mustahak dan berkesan ialah dakwah melalui pendidikan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, anak-anak adalah juga berperanan sangat besar dalam rumah tangga yang mana peranan mereka yang paling mencabar dan malah wajib ialah berlaku ihsan terhadap kedua ibu bapa dan jangan menjadi anak derhaka kerana padah derhaka itu adalah amat buruk.

"Oleh itu, berusahalah kita supaya jangan sekali-kali terjebak kepada perbuatan derhaka. Perbuatan derhaka itu banyak, tidak terbatas hanya kepada mengikat atau menambat ibu bapa.

Mengikat atau menambat itu sudah sangat teruk, malah Al-Quran mengingatkan hanya setakat berkata-kata yang boleh menyinggung atau melukakan perasaan ibu bapa, walaupun sekadar perkataan 'ah!' sahaja, apatah lagi menengking, semua itu sudah jadi derhaka jika dibuat," tegasnya lagi.

Anak-anak yang baik menurut Yang Berhormat, cukup berhati-hati mengawal diri mereka supaya tidak terjatuh ke dalam perangkap derhaka ini.

Yang Berhormat seterusnya memperingatkan bahawa doa ibu itu adalah hebat, makbul dan tidak ada lapisan atau dinding di antaranya dengan Allah.



SEBAHAGIAN daripada hadirin yang mendengar Ceramah Perdana sempena Sambutan HKK 2016 di Dewan Teater Utama, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa menyampaikan Ceramah Perdana bertajuk 'Pengukuhan Institusi Keluarga' sempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2016.

# Hubungan Brunei - UK, Northern Ireland terus akrab



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (tengah) dan isteri, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili (kiri) hadir bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Majlis Resepsi Bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland Ke-90 pada tahun ini yang diadakan oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duarman**

**JERUDONG**, Rabu, 27 April. - Hubungan persahabatan Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom (UK) of Great Britain and Northern Ireland memang sentiasa erat dan akrab setelah sekian lama terjalin.

Bersempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the UK of Great Britain dan Northern Ireland Ke-90 pada tahun ini, Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini mengadakan Majlis Resepsi berlangsung di Empire Theatre, The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Hadir bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada majlis tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof dan isteri, Datin Hajah Kalshom binti Haji Suhaili.

Pesuruhjaya Tinggi British, Tuan Yang Terutama David Campbell dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan bahawa jalinan antara kedua buah negara sejak bertahun-tahun lagi begitu kukuh.

Pendidikan katanya, merupakan suatu yang sentiasa wujud dalam hubungan dua hala dengan ratusan pelajar negara ke UK di samping para guru, pendidik serta pakar dari UK menyumbang kepakaran mereka kepada sistem pendidikan negara Brunei.

TYT juga mengucapkan syabas atas langkah-langkah dan usaha yang telah diambil oleh Brunei dalam mempromosikan kemudahan perniagaan dalam keadaan ekonomi yang mencabar.

Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Queen Elizabeth II kali ini juga diteruskan dengan memperingati pemergian seorang sasterawan Inggeris, William Shakespeare yang ke-400 tahun.

Majlis diserikan dengan beberapa babak persembahan pendek Shakespeare daripada tiga pelajar Sekolah Antarabangsa Jerudong.

# Komunikasi berkesan memacu kejayaan

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

**JERUDONG**, Rabu, 27 April. - Lebih 40 pegawai dan eksekutif daripada agensi-agensi kerajaan, institusi-institusi kewangan dan sektor swasta mengambil bahagian dalam Seminar Human Resource (HR) Retreat yang dianjurkan oleh Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM), sebuah institusi latihan di bawah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD).

Seminar sehari yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel & Country Club itu dirasmikan oleh Pemangku Pengarah Urusan AMBD, Dayang Hajah Nurliati binti Haji Md. Idris, selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif CIBFM.

Dayang Hajah Nurliati semasa berucap pada majlis tersebut berkata, beberapa kajian dan penyelidikan yang dijalankan mendapati bahawa komunikasi yang berkesan serta penglibatan para majikan dan pekerja dalam setiap organisasi, termasuk mengiktiraf adalah mustahak ke arah memacu kejayaan.

Menurutnya, laporan yang diterbitkan oleh 'Harvard Business Review Analytic Services' pada tahun 2013 antara lain menggariskan bahawa 71 peratus daripada responden menilai bahawa penglibatan pekerja adalah sangat penting untuk mencapai kejayaan organisasi secara keseluruhan, manakala 72 peratus responden pula menilai pengiktirafan kepada pekerja cemerlang memberikan kesan yang ketara terhadap penglibatan pekerja dan hanya 24 peratus responden mengatakan bahawa pekerja di dalam organisasi masing-masing adalah terlibat secara keseluruhan.

Laporan keseluruhannya, jelas Dayang Hajah Nurliati menunjukkan pentingnya melibatkan para pekerja dan cabaran kepada majikan adalah perlu untuk meningkatkan penglibatan pekerja serta mewujudkan cara-cara nyata untuk mengukur kesan inisiatif penglibatan tersebut.

Beliau seterusnya menambah, dari segi industri kewangan khususnya, AMBD sedang mengejar matlamatnya, dan terus bekerjasama dengan CIBFM dalam membangunkan program-program dan aktiviti yang akan memberi manfaat kepada industri dan negara secara keseluruhan serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat.

Dua fasilitator jemputan luar negara dijemput khas bagi menjayakan seminar tersebut iaitu Ketua Latihan, Pembangunan Kepimpinan Eksekutif, Align HR Group, Singapura, Karen Goh dan Ketua Pegawai Eksekutif, Carrots Consulting Ltd., Johan Grundlingh.

Bertemakan, 'Getting The Best out of Your Employees', Seminar HR Retreat ini memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari amalan terbaik dan bertukar-tukar pandangan serta berkongsi pengalaman mengenai cabaran-cabaran di dalam pembinaan modal insan.

Seminar ini juga bertujuan untuk membolehkan peserta membuka potensi keupayaan tenaga kerja sebagai aset penting di dalam sesuatu organisasi, melalui strategi dan teknik yang berkesan.



PEMANGKU Pengarah Urusan AMBD, Dayang Hajah Nurliati binti Haji Md. Idris selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif CIBFM (tengah) semasa hadir pada Seminar Human Resource (HR) Retreat .

Sebagai Pusat Kecemerlangan Terkemuka di Negara Brunei Darussalam, CIBFM ditubuhkan pada tahun 2010, untuk menggalakkan pembangunan dan pengukuhan pengetahuan serta kemahiran dalam bidang Perbankan, Kewangan dan Pengurusan Industri Kewangan.

CIBFM telah diiktiraf oleh Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan Negara Brunei Darussalam (MKPK) sebagai institusi latihan dalam bidang Perbankan, Kewangan dan Pengurusan, dan sekali gus mengiktiraf program-program latihan yang dikendalikan oleh CIBFM sebagai Kelayakan Nilai Tambah.

Maklumat lanjut mengenai program pembangunan CIBFM, boleh melayari *www.cibfmbrunei.com.*

# JPK bariga produk jualan, perkhidmatan



TETAMU-TETAMU yang hadir di Bay 3, Jabatan Percetakan Kerajaan diberi penerangan mengenai proses *hot stamping* ke atas muka depan penerbitan.

**Oleh : Saerah Haji Abd. Ghani**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 26 April. - Dalam membarigakan kitab-kitab yang dihasilkan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Percetakan Kerajaan (JPK), jabatan berkenaan mengadakan Hari Pelanggan bertempat di ibu pejabatnya di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Hari Pelanggan JPK ialah Pemangku Pengarah Percetakan Kerajaan, Awang Haji Kamarul Azam bin Haji Mohamad.

Pemangku Pengarah Percetakan Kerajaan dalam ucapannya antara lain berkata, Hari Pelanggan ini bertujuan untuk membarigakan kitab-kitab yang dihasilkan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh jabatan berkenaan dan dalam masa terdekat, JPK akan memberi nafas baharu pada beberapa kitab yang dihasilkannya seperti Kitab Surah Yaa Siin di mana sebahagian besar perisiannya nanti akan diselaraskan tulisan khatnya.

Selain itu jelasnya lagi, doa-doa pilihan yang terkandung di dalamnya seperti Doa Tahlil, Doa Selamat, Doa Kesyukuran dan Doa Tolak Bala juga akan diberi terjemahan dalam bahasa Melayu.

Produk-produk JPK terdiri dari kitab-kitab keagamaan seperti Mushaf Al-Quran, Surah Yaa Siin dan Tahlil, Takhtim Al-Quran, Ratib Al-Attas, Dikir Syarafil Anam, Dikir Dabaie dan doa-doa pilihan selain mencetak dan menjual Warta Kerajaan.

Majlis diselajurkan dengan pelancaran Bahagian Perkhidmatan Pelanggan yang berwajah baharu.

Bahagian tersebut telah dilengkapi dengan kaunter perkhidmatan, *queue numbering system*, ruang pameran pelbagai jenis cetakan dan produk keluaran JPK dan bilik konsultasi untuk perbincangan, penyemakan dan penyuntingan reka bentuk produk secara berkomputer.

Maklumat lanjut mengenai produk-produk jualan dan perkhidmatan-perkhidmatan JPK boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan Pelanggan JPK pada hari bekerja bermula jam 8.00 pagi hingga 11.45 pagi dan dari 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Sempena Hari Pelanggan JPK, jemputan yang hadir juga berpeluang melawat tempat-tempat di mana proses-proses percetakan dan penjilidan dilaksanakan oleh JPK.

Juga hadir, Pegawai-pegawai Perhubungan Awam serta wakil dari agensi kerajaan dan syarikat swasta dan institusi-institusi pengajian di Negara Brunei Darussalam.

# Sektor awam, swasta perlu berusaha tingkatkan prestasi

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



**PEMANGKU Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud berucap pada Majlis Perasmian Persidangan Tahunan Setiausaha-Setiausaha Eksekutif dan Pentadbiran Profesional Ke-5 Tahun 2016.**

**JERUDONG**, Selasa, 26 April. - Keadaan persekitaran ekonomi yang dialami pada masa ini boleh saja dilihat sebagai satu halangan untuk mencapai kejayaan, yang mana pemikiran dan sikap yang positif adalah penting dan cabaran tersebut mesti dilihat sebagai peluang untuk membuat perkara yang lebih baik.

Pemangku Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud menegaskan demikian pada Majlis Perasmian Persidangan Tahunan Setiausaha-Setiausaha Eksekutif dan Pentadbiran Profesional Ke-5 Tahun 2016 (5th Annual Executive Secretaries and Administrative Professionals Conference 2016 - ESAP 2016) di Star Lodge Hotel, di sini.

Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan menambah, ada juga yang berfikir keadaan tersebut sudah terlambat untuk membuat perubahan.

Menurutnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah beberapa kali dalam titah baginda menyentuh mengenai betapa pentingnya untuk sentiasa berusaha dalam meningkatkan prestasi dan produktiviti.

Di samping itu menurutya, kita juga perlu bergerak sebagai satu pasukan untuk mencapai matlamat-matlamat yang disasarkan demi kepentingan negara sama ada di sektor awam mahupun di sektor swasta.

Jelasnya, beberapa inisiatif juga telah giat dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menggalakkan perkembangan ekonomi negara termasuk dalam kemudahan menjalankan perniagaan (Ease of Doing Business) yang mana Negara Brunei Darussalam telah menduduki tempat ke 84 dari 189 buah negara ekonomi menurut The 2016 Doing Business Report oleh World Bank.

Dalam hal ini ujarnya, pelbagai pembaharuan telah dibuat untuk menambah baik persekitaran perniagaan kerana mereka ingin Brunei menjadi sebuah tempat yang paling mudah dan menarik untuk menjalankan perniagaan di rantau ini.

"Saya akui bahawa ia masih awal dan perjalanan kita masih jauh untuk melihat perubahan yang dimahukan. Namun, terdapat perubahan positif dari segi pendaftaran perniagaan yang mana kini boleh dilakukan dalam talian dan difailkan dalam tempoh satu hari, dan perniagaan boleh memulakan operasi segera jika dibandingkan dengan sebelum ini," jelasnya lagi.

Pihak kerajaan juga katanya, telah meningkatkan tumpuan dan penyelarasan pembaharuan yang menjurus untuk memudahkan perniagaan dan menarik Pelaburan Langsung Asing.

Pelancaran Darussalam Enterprise (DARe) baru-baru ini ujarnya, adalah hanya sebahagian daripada pembaharuan ini dan pihak-pihak yang berkenaan adalah digalakkan untuk terus berkunjung ke Business Facilitation Centre bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Tambahnya, tumpuan adalah diberikan kepada sektor-sektor pertumbuhan yang berpotensi seperti pelancongan, pertanian dan makanan, halal dan juga eksport berorientasikan industri amnya.

Menyentuh mengenai tema persidangan tersebut, iaitu 'Embracing Your New Professional Power : Empowered, Confident, Creative', beliau berkata, ia merupakan satu tema yang sangat penting kerana elemen-elemen ini perlu ada dalam melakukan pekerjaan seharian termasuk mempunyai sikap dan minda yang positif.

# ESAP tulang belakang sebuah organisasi



**PEMANGKU Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud (tengah) dalam sesi bergambar ramai.**

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**JERUDONG**, Selasa, 26 April. - Persidangan Tahunan Setiausaha-Setiausaha Eksekutif dan Pentadbiran Profesional Ke-5 Tahun 2016 anjuran CONFEX berlangsung di Star Lodge Hotel, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan persidangan berkenaan ialah Pemangku Menteri Tenaga (Energy) dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud.

Dalam ucapan alu-aluan Pengarah Urusan CONFEX, Awang Hafriz Fayadh bin Haji Musa antara lain berkata, ESAP yang telah bermula sejak tahun 2012 mempunyai dua objektif, iaitu pertama persidangan tersebut merupakan satu cara untuk menghargai para profesional pentadbiran yang mana mereka ini sering sahaja dianggap sebagai tulang belakang sebuah organisasi.

Tambahnya lagi, ESAP juga adalah untuk menawarkan kemajuan dalam berbicara tentang peluang bagi seseorang itu berkembang sama ada dari segi profesional mahupun dari segi peribadi seseorang.

Persidangan dua hari yang dihadiri oleh kira-kira 50 setiausaha eksekutif dan para profesional pentadbiran kali ini membawa tema 'Embracing Your New Professional Power : Empowered, Confident, Creative' menggalakkan mereka untuk mengambil peranan yang lebih besar serta berpengaruh dalam organisasi walaupun pada masa ini berlakunya perubahan teknologi yang pesat dan kegawatan ekonomi.

Beberapa orang penceramah dari dalam dan luar negara juga turut menyampaikan ceramah mereka berkaitan dengan tema persidangan tersebut, iaitu mengenai kuasa, yakin dan kreatif, selain pengisian bengkel bagi para peserta.

Acara kemuncak persidangan ialah Majlis Penganugerahan bagi 'Admin Professional of the Year Award' pada hari terakhir persidangan.

Anugerah tersebut adalah untuk memberi penghargaan kepada profesional pentadbiran yang memberikan perkhidmatan yang terbaik dan hasil tugasan yang dikehendaki oleh pihak atasan mereka serta menyumbang pada kejayaan syarikat.

Penyampaian anugerah kali ini akan diberikan semasa persidangan ESAP berlangsung, di mana pemenang akan mewakili Negara Brunei Darussalam bagi menyertai Kongres 'Association of Secretaries and Administrative Professionals in Asia Pacific' (ASA) di Manila pada bulan September nanti.

Persidangan ESAP diadakan setiap tahun oleh CONFEX, kali pertama ia diadakan pada tahun 2012 dan sehingga kini lebih 700 peserta telah menghadiri persidangan berkenaan.



**PENGARAH Urusan CONFEX, Awang Hafriz Fayadh bin Haji Musa ketika menyampaikan ucapan alu-aluannya.**

## Taklimat Perintah Ketidaksolvenan 2016

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 27 April. - Kementerian Kewangan mengadakan taklimat mengenai dengan Perintah Ketidaksolvenan 2016 bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive, di sini.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Timbalan Pendaftar, Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan di Kementerian Kewangan, Dayang Hajah Rena Azlina binti Dato Paduka Haji Abdul Aziz.

Dayang Hajah Rena Azlina antara lain menjelaskan, tujuan Perintah Ketidaksolvenan 2016 adalah untuk memberikan penekanan yang menjurus pada penstrukturan semula juga pemulihan syarikat serta perlindungan kepada si penghutang dan pemiutang.

Tambahnya, syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan dan operasi bagi tempoh sementara boleh memohon bagi *company voluntary arrangement* yang membolehkan sesebuah syarikat berunding dengan pihak pemiutang bagi penstrukturan semula hutang piutang atau penyusunan semula syarikat.

Antara yang hadir bagi sesi taklimat tersebut ialah wakil-wakil dari Autoriti Monetori Brunei Darussalam (AMBD), Jabatan Agensi Pelaburan dan Bahagian Pelaburan di Kementerian Kewangan, Darussalam Assets Sdn. Bhd., Brunei Association of Banks, Brunei Darussalam Deposit Protection Corporation (BDPC), Law Society of Brunei Darussalam dan Dewan-dewan Perniagaan di negara ini.

Sesi pembarigaan telah dikendalikan bersama oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan di Kementerian Kewangan dan Pejabat Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Perintah Ketidaksolvenan 2016 mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2016 dan maklumat lanjut mengenainya boleh didapati di *www.mof.gov.bn* atau *www.business.gov.bn*, manakala salinan perintah ini boleh didapati di Jabatan Percetakan Kerajaan atau dengan memuat turun dari laman sesawang Pejabat Peguam Negara di alamat *www.agc.gov.bn*.



**ANTARA yang hadir semasa sesi taklimat mengenai dengan Perintah Ketidaksolvenan 2016 yang berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive.**

# Mengenang jasa ibu bapa

Oleh :
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor



MENGHORMATI ibu bapa adalah dituntut dalam Islam kerana kedudukan, martabat dan kemuliaan ibu bapa sangat istimewa.

WARGA emas tidak sepatutnya dianggap bebanan dan diabaikan kebajikannya, sebaliknya mereka perlu diberi layanan kasih sayang yang sewajarnya. Tiada lebih bermakna untuk diberikan kepada warga emas dalam meniti kehidupan selain mendapat kasih sayang daripada anak-anak mereka.

Dari itu, setiap anak harus mengenang jasa dan pengorbanan yang diberikan oleh ibu bapa sejak kecil sehingga dewasa. Dalam kita menikmati kehidupan bahagia, kita tidak seharusnya mengabaikan ibu bapa yang banyak berkorban dalam membesarkan, mendidik, memberi pelajaran seterusnya kebahagiaan kepada kita.

Sifat 'kacang lupakan kulit' tidak seharusnya wujud dalam diri, sekiranya mengenang jasa dan pengorbanan ibu bapa selama ini meskipun mereka mengalami penyakit atau hilang daya ingatan (lali). Hidup sebagai warga emas tanpa dikelilingi atau dibuai kasih sayang keluarga sememangnya sangat memilukan. Bayangkan bagaimana kehidupan mereka jika tidak ada insan yang prihatin untuk menjaga kebajikan mereka, sedangkan mereka ini juga pernah berbakti kepada bangsa dan negara pada zaman mudanya.

Menurut Kamus Dewan, warga emas atau warga tua didefinisikan sebagai ahli keluarga yang sudah tua atau lanjut usia. Biasanya warga tua dapat dikesan melalui ciri-ciri fizikal seperti muka berkedut, badan lemah, penglihatan kabur dan sebagainya. Selain itu, warga tua juga dapat dilihat daripada biologinya, sebagai contoh berlaku *menopause* kepada wanita dan *andropaus* kepada lelaki.

Pada usia ini, kebiasaannya mereka menghendaki dan memerlukan perhatian dan kasih sayang kerana tahap perkembangan usia mereka akan menurun ke tahap seperti kanak-kanak. Di Negara Brunei Darussalam, definisi warga emas adalah mereka yang berusia 60 tahun ke atas.

Sesungguhnya, tidak ada manusia di muka bumi ini yang lebih besar jasanya kepada kita selain ibu dan bapa. Seorang ibu bersusah payah semenjak anak dalam kandungan sehinggalah anak itu dilahirkan. Kemudian ibu bapa mengasuh, membesarkan, mendidik dan mencukupkan segala keperluan. Semua itu dilakukan dengan tulus ikhlas dan dengan rasa penuh kasih sayang.

KELUARGAKU HARAPANKU

TEMA
کلوارݢ برواوسن

### TUNTUTAN SYARAK

Oleh itu, sebagai membalas jasa kepada ibu bapa, kita dituntut untuk mengikut apa yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Al-Quran, iaitu berbuat baik kepada keduanya. Tuntutan berbuat baik kepada ibu bapa bukanlah berdasarkan ibadat atau kebiasaan yang diwarisi turun-temurun, akan tetapi ia merupakan tututan syarak. Islam menuntut supaya setiap orang berbuat baik kepada ibu bapa dan hukumnya adalah fardu ain. Maknanya, apabila dihukumkan fardu ain maka setiap orang wajib berbuat baik kepada ibu bapanya sendiri, dan perkara berbuat baik kepada keduanya ini bukanlah suatu yang boleh diwakil-wakilkan kepada orang lain untuk melakukannya.

Adapun berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa itu antaranya ialah menjaga tutur kata, sopan santun, hormat, tidak menengking, merendah diri dengan kasih sayang, menjaga kebajikan mereka seperti makan minum, kesihatan dan mendoakan keampunan dan kerahmatan untuk kedua-duanya.

Sebagai anak, kita wajib taat perintah ibu bapa selagi tidak bercanggah dengan hukum syarak. Oleh itu, kita mestilah mengelakkan diri daripada menjadi anak derhaka kepada ibu bapa. Salah satu antara tanda-tanda di mana anak tergolong sebagai anak yang derhaka kepada ibu bapa ialah anak yang melukai hati mereka sehingga menyebabkan mereka menangis. Ini jelas sebagaimana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "*Menyebabkan kedua ibu bapa menangis termasuk di antara perkara derhaka dan dosa-dosa besar.*" (Riwayat Al-Imam Bukhari)

Berbakti kepada ibu bapa bukan setakat berbuat baik sewaktu mereka masih hidup, malahan mestilah berterusan walaupun mereka sudah meninggal dunia. Anak yang soleh dan anak yang taat kepada kedua-dua ibu bapa tidak akan melupakan jasa ibu bapanya. Dia akan tetap berbakti dan membalas jasa mereka sedia mungkin walaupun mereka sudah meninggal dunia.

Dalam petikan Irsyad Hukum Jabatan Mufti Kerajaan, yang dikeluarkan dalam akhbar rasmi kerajaan, Pelita Brunei baru-baru ini, apabila ibu bapa kita mencapai umur lanjut, adakalanya bermacam-macam kerenah yang kita hadapi sebagai seorang anak. Ada yang sikapnya semakin cerewet, ada juga yang semakin sensitif (mudah tersinggung perasaan), ada juga yang semakin hilang daya kewarasan dan sebagainya. Semua ini tidak syak lagi merupakan ujian atau dugaan yang amat besar kepada anak-anak.

Dalam sebuah hadis ada disebutkan dipetikan itu bahawa seseorang anak akan dipandang hina dan tidak akan masuk syurga jika dia mencuaikan atau tidak berbuat baik kepada ibu bapanya yang sudah tua atau berumur lanjut. Ini jelas sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bersabda : Maksudnya : "*Sungguh hina, sungguh hina, sungguh hina.*" *Baginda ditanya : "Siapakah (yang hina itu) wahai Rasulullah?" Baginda menjawab : "Orang yang mendapati kedua ibu bapanya ketika mereka dalam keadaan tua sama ada salah seorang atau kedua-duanya, kemudian dia tidak masuk syurga.*" (Hadits riwayat Muslim)

Apa yang menyedihkan, terdapat sebilangan anak-anak yang lupa akan pengorbanan yang telah ibu bapa lakukan itu. Tanggungjawab yang sepatutnya dipikul dengan penuh kesabaran menjadi satu bebanan yang membimbangkan mereka.

Perkara pengabaian ibu bapa khususnya ibu bapa yang berumur lanjut memang berlaku dalam masyarakat tidak terkecuali di negara kita Brunei Darussalam. Menurut statistik dari Jabatan Pembangunan Masyarakat Brunei terdapat sebanyak 22 kes pengabaian warga emas ataupun orang tua berlaku dalam tempoh lima tahun kebelakangan, iaitu dari tahun 2011 hingga 2015.



**"MENURUT statistik dari Jabatan Pembangunan Masyarakat Brunei terdapat sebanyak 22 kes pengabaian warga emas ataupun orang tua berlaku dalam tempoh lima tahun kebelakangan, iaitu dari tahun 2011 hingga 2015."**

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan perhatian, pemedulian dan menghargai akan kewujudan warga emas di negara ini, malahan jasa dan pengorbanan yang telah disumbangkan oleh warga emas terhadap pembangunan keluarga, masyarakat dan negara memang tidak dapat dinafikan. Atas sumbangan dan bakti merekalah lahirnya generasi berwawasan masa kini yang menjadi penerus kepada pembangunan masyarakat, bangsa, agama dan negara.

Maka setiap 1 Oktober setiap tahun telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai Sambutan Hari Antarabangsa Warga Emas sejak tahun 1999 di seluruh daerah, iaitu sebagai satu komitmen Negara Brunei Darussalam melaksanakan tanggungjawab ke atas warga emas dan sebagai satu pengiktirafan dan penghormatan kepada mereka yang telah banyak berbakti kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Tanggungjawab terhadap warga emas bukan hanya dipikul oleh kerajaan sahaja, akan tetapi tanggungjawab semua pihak khususnya anak-anak lebih bertanggungjawab terhadap mereka dan berikanlah kasih sayang yang sempurna dan jangan abaikan dan mensia-siakan mereka.



IBU bapa sebagai pendorong kejayaan anak-anak.

# Tawarkan pelbagai pakej pembiayaan, perkhidmatan

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 22 April. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menganjurkan BIBD Home Showcase Ke-8 dengan menawarkan pelbagai pakej pembiayaan termasuk pembiayaan rumah, pembiayaan pengubahsuaian rumah, pembiayaan pendidikan dan pembiayaan peribadi termasuk pelbagai lagi perkhidmatan juga produk BIBD yang lain.

Timbalan Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan), di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Dayang Hajah May Faezah binti Haji Ahmad Ariffin hadir merasmikan pameran berkenaan yang berlangsung di Atrium, The Mall Gadong, di sini.

Terdahulu, Pengarah Urusan BIBD, Mubashar Khokhar antara lain menjelaskan, BIBD mempunyai bahagian pasaran sebanyak 55 peratus dan mempunyai kapasiti dalam lembaran imbangan untuk berkembang sebanyak $2 bilion lagi.

Tambahnya, tabiat menabung wang simpanan dan melabur dalam hartanah merupakan satu perkara yang terbaik bagi keperluan di masa depan khususnya bagi golongan belia.

Beliau seterusnya menegaskan bahawa tabiat ini perlu sentiasa digalakkan sebagai langkah untuk terus bergerak ke hadapan.

BIBD Home Showcase dengan tema Gaya Hidup (Lifestyle) berlangsung selama 10 hari bermula hari ini hingga 1 Mei dan dibukakan setiap hari mulai jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali hari Jumaat yang mana akan bermula jam 2.00 petang hingga 10.00 malam.

BIBD Home Showcase kali ini juga menyediakan pemeriksaan kesihatan kewangan yang akan dilaksanakan oleh perancang kewangan Islam BIBD yang bertauliah.

Sepanjang acara ini diadakan, para pelanggan akan diberikan pengecualian bagi bayaran yuran penuh pemprosesan pembiayaan pengubahsuaian rumah dan Consolidated Financing Scheme; pemotongan yuran sebanyak 50 peratus bagi yuran pemprosesan bagi pembiayaan rumah dan pembiayaan pengubahsuaian rumah BIBD serta pengecualian yuran untuk beberapa perkhidmatan yang lain.

Sementara itu, pemohon yang berjaya akan berpeluang untuk memenangi hadiah-hadiah seperti iPad mini, baucer membeli-belah di Supa Save dan Hua Ho, BIBD Hadiah Points dan bermacam-macam lagi.

Di samping itu, pameran ini juga akan menyediakan platform bagi para pemilik rumah akan datang untuk menyaksikan peluang-peluang hartanah dan pengubahsuaian rumah yang menarik melalui kerjasama BIBD serta kehadiran rakan-rakan cemerlang mereka.

Ini termasuk Primeland, Bess Perfect Property Agency dan JFA Real state, Tomato Kanak-kanak, Loft Furniture, Max Track, Bait Al Hijab, Al Awani, Desa Villa, The Potters dan Decor SB serta perlindungan Takaful dari Takaful Brunei Keluarga dan Takaful Brunei Am.

BIBD juga mempamerkan BIBD Ar-Rahnu serta Perbankan Perniagaan BIBD bagi para pengusaha khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tentang bagaimana mereka boleh mendapat sokongan juga manfaat dari BIBD.

Bagi mengetahui lebih lanjut mengenai produk, perkhidmatan dan promosi BIBD, boleh layari laman Facebook BIBD di *www.facebook.com/bibdbrunei* atau layari laman sesawang BIBD di *www.bibd.com.bn* serta boleh berhubung terus dengan Pusat Perhubungan BIBD melalui talian +673 2238181 atau kunjungi Cawangan BIBD yang terdekat.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan), di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Dayang Hajah May Faezah binti Haji Ahmad Ariffin (dua, kiri) hadir merasmikan 'BIBD Home Showcase' Ke-8 yang berlangsung di Atrium, The Mall Gadong.

# Belia digalak melabur dalam perumahan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 22 April. - Pameran Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Home Showcase merupakan pameran bagi memberikan kesedaran kepada golongan belia khususnya bagi mereka yang ingin mempunyai rumah sendiri dan membuat pelaburan hartanah setelah mereka mula bekerja.



TIMBALAN Ketua Perbankan Pengguna BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Md. Jaafar semasa sidang media yang diadakan sejurus Perasmian Pameran Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) Home Showcase.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Ketua Perbankan Pengguna BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Md. Jaafar semasa sidang media yang diadakan sejurus Perasmian BIBD Home Showcase yang berlangsung di Atrium, The Mall Gadong, di sini.

"Saya sukacita ingin menyatakan di sini bahawa para pelanggan yang datang ke pameran ini adalah mereka yang berumur di antara 25 hingga 35 tahun yang mana ini merupakan pasaran sasaran kami bagi menggalakkan mereka untuk membuat pelaburan dalam perumahan," ujarnya lagi.

Tambahnya, BIBD juga ingin memberikan peluang untuk para pelanggan bertanya mengenai bagaimana untuk menguruskan kewangan mereka dari usia awal bersama wakil-wakil peribadi BIBD yang merupakan perancang kewangan bertauliah semasa pameran tersebut diadakan.

Menyentuh mengenai pameran tersebut beliau berkata, ia telah berjaya dilaksanakan dan seperti pameran-pameran yang diadakan sebelum ini, BIBD akan menawarkan pelbagai promosi.

Bagi BIBD Home Showcase kali ini menurutnya, mereka juga akan memberikan promosi khas bagi pelanggan-pelanggan baharu, iaitu dengan menyediakan penyelesaian mudah bagi mereka yang ingin membuat pertukaran dari bank lain ke BIBD.




TIMBALAN Setiausaha Tetap (Ekonomi dan Kewangan), di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Dayang Hajah May Faezah binti Haji Ahmad Ariffin ketika mengunjungi salah sebuah petak pameran 'BIBD Home Showcase' Ke-8.

# TelBru, China Telecom tingkat kerjasama bidang telekomunikasi

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**JERUDONG,** Rabu, 20 April. - Telekom Brunei Berhad (TelBru) dan China Telecom Global telah mengadakan bengkel kerjasama bagi mendukung perusahaan-perusahaan warga Cina yang beroperasi di negara ini.

Seramai 50 orang wakil dari 27 perusahaan warga Cina termasuk perusahaan terkenal dan syarikat-syarikat tempatan yang membuat pelaburan di negeri China menghadiri bengkel yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Bengkel yang didukung oleh Kedutaan China di Negara Brunei Darussalam ini juga dihadiri oleh Presiden China Telecom Singapura, Lynn Dai.

Ketua Pegawai Pemasaran TelBru, Lim Ming Soon dalam ucapan alu-aluannya berkata, TelBru sebagai syarikat telekomunikasi utama di Negara Brunei Darussalam, berhasrat untuk bekerjasama dengan lebih dekat lagi dengan China Telecom bagi memenuhi keperluan telekomunikasi perusahaan-perusahaan di antara kedua-dua buah negara.

Bengkel tersebut bertujuan untuk menangani isu-isu berkaitan perhubungan yang berkualiti tinggi dan *reliable* ke negara China.

Ia juga berhasrat bagi mendukung syarikat-syarikat tempatan yang telah membuat pelaburan di negeri China dan juga bagi mereka yang merancang untuk mengembang-luaskan perniagaan mereka di negara tersebut.

Selain itu, bengkel berkenaan bertujuan untuk menangani masalah berkaitan perhubungan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha warga Cina, di samping untuk memahami keperluan telekomunikasi di negara ini.

TelBru dan China Telecom berharap kerjasama ini akan memudahkan perniagaan dan perdagangan antara Brunei dan China, di samping menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan mencari peluang perniagaan di negeri China.



PARA wakil dari 27 perusahaan warga Cina termasuk perusahaan terkenal dan syarikat-syarikat tempatan menghadiri bengkel yang berlangsung di Indera Kayangan Ballroom, The Empire Hotel & Country Club.

# Guna kaedah KKC tingkatkan produktiviti sekolah

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

**RIMBA**, Sabtu, 23 April. - Sempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang diraikan pada setiap 23 April, Politeknik Brunei telah mengadakan Taklimat Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) bertempat di Dewan Ittisal, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), di sini.

Seramai 30 peserta yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan dan Sekolah Politeknik Brunei, pensyarah-pensyarah dan pegawai-pegawai menghadiri taklimat tersebut.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar.

Taklimat disampaikan oleh dua pegawai dari IPA, Dayangku Erna Liana binti Pengiran Haji Suhaili dan Awang Haji Mohd. Saiful Hazmy bin Haji Mohd Yussof.

Objektif Taklimat KKC adalah untuk mengenalkan dan mendedahkan mengenai KKC dan meningkatkan produktiviti jabatan-jabatan dan sekolah-sekolah di Politeknik Brunei melalui kefahaman mengenai kegunaan kaedah KKC.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk memahami urutan kaedah KKC yang boleh digunakan bagi mengatasi masalah yang berkaitan dan bekongsi sama melalui amalan-amalan terbaik.

Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia telah diisytiharkan oleh Pertubuhan UNESCO untuk diraikan pada setiap 23 April.

Tujuan memperingati hari tersebut adalah bagi menggalakkan membaca bahan cetak (buku) dan bukan cetak dan memberi kesedaran semua tentang mencari dan menimba ilmu.

Oleh itu, adalah diharapkan melalui taklimat tersebut, semua warga Politeknik Brunei khususnya dapat berganding bahu dalam usaha untuk menyemai minat suka membaca demi mencapai Wawasan 2035 ketika pengaruh penggunaan komputer dan internet telah merevolusi kaedah pencarian maklumat ilmu melalui buku kekal sebagai penyampai khazanah ilmu dan penghibur.

Pada masa yang sama, dunia buku dan apa jua bentuk cetakan diharap dapat dijadikan sebagai bahan rujukan yang bertahan lama dan kekal, serta menjadikan masyarakat Negara Brunei Darussalam terutamanya generasi muda untuk terus membaca sebagai usaha mendapatkan ilmu melalui pendidikan sepanjang hayat.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berusaha untuk memupuk dan menggalakkan budaya suka dan gemar membaca dalam kalangan masyarakat di negara ini.

Prasarana dan kemudahan Politeknik Brunei di Kampus Utama Ong Sum Ping dan Sekolah Sains dan Kejuruteraan di Kampus Lumut adalah dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan pembelajaran dan pengajaran dalam kalangan masyarakat khususnya bagi warga institusi pengajian tinggi ini.

Majlis Taklimat KKC bersempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia ini adalah diungkayahkan oleh Jabatan Perpustakaan dan Pembelajaran, Politeknik Brunei dengan kerjasama Pusat Pembelajaran dan Inovasi (CiTL) Politeknik Brunei.



PEGAWAI IPA, Dayangku Erna Liana binti Pengiran Haji Suhaili semasa menyampaikan taklimat Kumpulan Kerja Cemerlang.

# UNISSA terima pelawat KPMSI

Berita dan Foto : Ihsan Universiti Islam



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal bergambar ramai bersama rombongan pelawat dari Kolej Profesional MARA Seri Iskandar (KPMSI), Perak.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 23 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menerima rombongan pelawat seramai enam orang pensyarah, 39 mahasiswa dan 65 mahasiswi dari Kolej Profesional MARA Seri Iskandar (KPMSI), Perak diketuai oleh Presiden Fakulti kolej berkenaan, Muhammad Wafiy Hazim bin Abdul Rahim.

Ketibaan rombongan di universiti berkenaan dialu-alukan oleh Dekan Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan (FPSP), Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dan Pemangku Dekan Hal Ehwal Pelajar, Dayang Nurhafizatulhikmah binti Haji Serbini.

'Cultural Discovery and Community Service at Kampong Ayer' merupakan tema program lawatan KPMSI ke UNISSA. Tema berkenaan dipilih adalah berdasarkan Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang mempunyai budaya yang berbeza dengan Malaysia dari segi bahasa dan kehidupan seharian, di samping mempelajari budaya masyarakat di Kampong Ayer.

**(BYIC NO. 01-076216)**

… Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 Mei 2016.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
**AHMAD ARIF BIN MOHD. AL-MASS**
Lot No.1393, Kampung Sumbling Baru
Jalan Batang Duri, Temburong, PD1785
Negara Brunei Darussalam.
**Tarikh Petisyen : 6 April 2015.**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 Mei 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **4 Mei 2016, jam 9.30 Pagi .**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **4 Mei 2016, jam 9.30 Pagi.**

Bertarikh **: 2 April 2016.**

**KEBANKRAPAN NO. 610 TAHUN 2015**

**BIBD BERHAD**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
**Vs**
**AZMI BIN HAJI AHMAD**
**(BYIC NO. 00-110675)**

… Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **23 Januari 2016.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
**AZMI BIN HAJI AHMAD**
No.447, Kampung Mentiri, Jalan Kota Batu
BU1929, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen : 10 Januari 2016.**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **23 Januari 2016 .**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **21 April 2016, jam 9.00 Pagi .**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **21 April 2016, jam 9.00 Pagi.**

Bertarikh **: 14 Mac 2016.**

**KEBANKRAPAN NO. 101 TAHUN 2015**

**HSBC LIMITED**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
**Vs**
**HJ. MOHD. SUFRI**
**BIN HJ. ABD. RAHMAN**
**(BYIC NO. 00-279248 )**

… Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **22 Ogos 2015.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
**HJ. MOHD. SUFRI**
**BIN HJ. ABD. RAHMAN**
No.56, Simpang 1317
Kampung Tanjung Bunut, Jalan Tutong
BF2920, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Petisyen : 17 Jun 2015.**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **22 Ogos 2015.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **12 April 2016, jam 10.30 Pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **12 April 2016, jam 10.30 Pagi.**

Bertarikh **: 4 April 2016.**

**KEBANKRAPAN NO. 512 TAHUN 2015**

**STANDARD CHARTERED BANK**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen
**Vs**
**SAIFULFAZZARI BIN MATOSSEN**
**(BYIC NO. 00-309614 )**

… Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **30 Januari 2016.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :
**SAIFULFAZZARI BIN MATOSSEN**
Room No.9, Flat 52, Jalan Kumbang
Pasang Negara Brunei Darussalam.
**Tarikh Petisyen : 17 Disember 2015.**

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **30 Januari 2016 .**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **2 Mei 2016, jam 9.00 Pagi .**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **2 Mei 2016, jam 9.00 Pagi.**

Bertarikh **: 4 April 2016.**

Semua si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar.**

**DI DALAM MAHKAMAH DI**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KES NO. BCY/CP/ 89 / 2005**

**IBB AT-TAMWIL BERHAD**
**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Vs**
**HAJI MATIDIN BIN HAJI SUHAILI**
**(K.P Brunei NO. 00-028967-Kuning)**
**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN PERINTAH PENERIMAAN DAN NOTIS PELEPASAN / PEMBATALAN PERINTAH PENGHUKUMAN**

Sila ambil perhatian

a. Bahawa **Perintah Penerimaan** dan **Perintah Penghukuman** yang dibuat terhadap **Penghutang** telah dilepaskan / dibatalkan pada **14 April 2016.**

Nama Penghutang :
**HAJI MATIDIN BIN HAJI SUHAILI**
Alamat Penghutang :
Lot No. 7866, No. 2, Simpang 106-27-4
RPN Kg. Pandan, Kuala Belait, KA2131
Negara Brunei Darussalam.
**Bertarikh : 21 April 2016.**

**KES NO.BCY/CP/19/2013**

**STANDARD CHARTERED BANK**
**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Vs**
**AZLI BIN LAMAT**
**(BYIC NO. 00-271603)**
**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 06 Julai 2013 telah dibatalkan pada 31 Mac 2016.

Nama Penghutang :
**AZLI BIN LAMAT**
Alamat Penghutang :
No. 100, Simpang 1761, Kg. Tanjong Nangka Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.
**Bertarikh : 9 April 2016**

**KES NO.BCY/CP/ 189/2004**

**STANDARD CHARTERED BANK**
**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Vs**
**NORDDIN BIN ANGSA**
**(BYIC NO. 00-279769)**
**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 04 November 2006 telah dibatalkan pada 10 Mac 2016.

Nama Penghutang :
**NORDDIN BIN ANGSA**
Alamat Penghutang :
No. 60, Simpang 188/39
Kampung Serambangun, Tutong, TA2514
Negara Brunei Darussalam.
**Bertarikh : 9 April 2016.**

**KES NO.BCY/CP/106/2013**

**HSBC FINANCE (B) BERHAD**
**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Vs**
**HAJI ELMI BIN HAJI BUNGSU**
**(RBAF IC NO. 263551)**
**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 19 Oktober 2013 telah dibatalkan pada 16 Januari 2016.

Nama Penghutang :
**HAJI ELMI BIN HAJI BUNGSU**
Alamat Penghutang :
No. 8, Jalan 49, Simpang 73-15
Kampung Perpindahan Lambak Kanan
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh : 07 April 2016.**

**KES NO.BCY/CP/392/2011**

**STANDARD CHARTERED BANK**
**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Vs**
**SURAYA BINTI AHIM**
**(BYIC IC NO. 00-267053)**
**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 26 Januari 2012 telah dibatalkan pada 7 April 2016.

Nama Penghutang :
**SURAYA BINTI AHIM**
Alamat Penghutang :
No. 29C, Simpang : 637-84-26-11-21
STKRJ Kampung Perpindahan Lambak
Kiri, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh : 13 April 2016.**

**KES NO.BCY/CP/153/2009**

**HSBC FINANCE (B) BERHAD**
**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Vs**
**SUFFRIN BIN JURAH**
**(RBAF IC NO. 00-259215)**
**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 10 September 2009 telah dibatalkan pada 7 April 2016.

Nama Penghutang :
**SUFFRIN BIN JURAH**
Alamat Penghutang :
No. 224, Jalan Bukit Sinadur
RPN Kg. Mengkubau, Mentiri, BU1729
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh : 14 April 2016.**

**KES NO.BCY/CP/100/2011**

**STANDARD CHARTERED BANK**
**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Vs**
**KAMIS BIN BAKAR**
**(BYIC NO. 00-110274)**
**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 20 Oktober 2011 telah **dibatalkan pada 24 Mac 2016.**

Nama Penghutang :
**KAMIS BIN BAKAR**
Alamat Penghutang :
No. 3B, Simpng 236-24, Kampung Tungku
Mukim Gadong, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh : 14 April 2016.**

**KES NO.BCY/CP/531/2009**

**HSBC FINANCE (B) BERHAD**
**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Vs**
**NORHAYATI BINTI BANGOK**
**(BYIC NO. 00-27045)**
**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 27 Mac 2010 telah dibatalkan pada 5 Mac 2016.

Nama Penghutang :
**NORHAYATI BINTI BANGOK**
Alamat Penghutang :
No. 24, Jalan 12
Perpindahan Kampung Lambak Kanan
Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh : 14 April 2016.**

**KES NO.BCY/CP/94/2008**

**HSBC FINANCE (B) BERHAD**
**… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**
**Vs**
**ALI RAZALI BIN MOHAMMAD**
**(RBAF I/C NO. 265448)**
**… Penghutang Penghakiman / Penentang**

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 6 Ogos 2009 telah dibatalkan pada 25 Februari 2016.

Nama Penghutang :
**ALI RAZALI BIN MOHAMMAD**
Alamat Penghutang :
No. 1, Block 1
Kawasan RUB Polis Headquarters
Negara Brunei Darussalam.

**Bertarikh : 20 April 2016.**

**PERINTAH PENGHUKUMAN**

Nama penghutang - Mohd. Jamin bin Asrah (Kad Pengenalan Brunei No. 00-260714 - Kuning) Alamat terakhir diketahui - No.40, Jalan 64, Perpindahan Lambak Kanan, BC3115, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah-Mahkamah Tinggi, Bandar Seri Begawan, BA1910, Brunei Darussalam Nombor Perkara - Kes No. BCY/CP/563/2012 Tarikh Perintah Penghukuman - 16 April 2016 Tarikh Permohonan - 30 Disember 2015.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar.**

**JABATAN DAERAH TEMBURONMG**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JABATAN DAERAH TEMBURONG**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**NOTIS KERETA TERBIAR YANG DILETAK DI KAWASAN FLAT DI BAWAH KAWALAN JABATAN DAERAH TEMBURONG, IAITU FLAT KELAS 'E' PWD 168 DAN FLAT KELAS 'E' PWD 169, PEKAN BANGAR TEMBURONG**

DIMAKLUMKAN kepada pemilik Kenderaan yang telah meletakkan kenderaan di kawasan lapang Flat Kelas 'E' 168 dan Flat Kelas 'E' 169, Pekan Bangar Baharu, Daerah Temburong supaya akan dapat dipindahkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada notis ini dikeluarkan. Seperti pemilik kenderaan yang berdaftar di bawah ini :

- **BU 7246 (BMW)**
- **BV 9274 (SCOOTER)**
- **BAH 5196 (FORD GHIA)**
- **BF 7557 (TOYOTA CROUN)**
- **KM 2022 (HYUNDAI ACCENT)**

Sekiranya kenderaan-kenderaan tersebut tidak dituntut dalam tempoh yang telah ditetapkan, Jabatan Daerah berhak memindahkan tanpa kebenaran pemilik kenderaan ke tempat yang telah pun dikhaskan dan sebarang kerosakan semasa pemindahan, Jabatan Daerah tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan diganti rugi. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung terus ke Unit Perumahan, Jabatan Daerah Temburong pada waktu pejabat.

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**TAWARAN NO 1:**
**MINDEF/DFA/RC/168/A (1)**
**TRANSPORTION SERVICE FOR BERAKAS GARRISON FOR LARGE BUS - FIVE (5) YEARS CONTRACT**
**BAYARAN TAWARAN :**
**BND100.00 (tidak dikembalikan)**

**TAWARAN NO 2:**
**MINDEF/DFA/RC/168/B (1)**
**TRANSPORTION SERVICE FOR BERAKAS GARRISON FOR MEDIUM BUS - FIVE (5) YEARS CONTRACT**
**BAYARAN TAWARAN :**
**BND100.00 (tidak dikembalikan)**

**TAWARAN NO 3:**
**MINDEF/DFA/RC/168/C (1)**
**TRANSPORTION SERVICE FOR BERAKAS GARRISON FOR MINI BUS - FIVE (5) YEARS CONTRACT**

**BAYARAN TAWARAN :**
**BND100.00 (tidak dikembalikan)**

**SYARAT-SYARAT TAWARAN**

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baharu, Kementerian Pertahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 17 Mei 2016** di Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula pada **25 April 2016.**

b. Bayaran tawaran *(tender fee)* hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok 'D', Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**Waktu bagi menerima bayaran :**
**Isnin hingga Khamis :**
**8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari**
**2.00 Petang hingga 3.00 Petang**
**Jumaat : 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi**
**2.30 Petang hingga 3.00 Petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua yuran dokumen dan bayaran tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan sijil pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini.

i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : ***http://www.mindef.gov.bn.***

**MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS**
**BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/ NO. 98/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MOHAMMAD BIN HAJI DAUD** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH RAFIDATOL ANESAH BINTI HAJI MOHAMMAD** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BAPA** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 26 April 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 12 April 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/ NO. 97/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PG. KARIM BIN PG. HAJI BUSTAMAM** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **KAMALUDIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **PEMEGANG SURAT KUASA** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 3 MEI 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 14 April 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/ NO. 99/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH EZNAH BINTI HAJI ABDULLAH** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI ABDULLAH BIN HASHIM** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 3 MEI 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 14 April 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/ NO. 66/2015**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DK. NOORASLENA BINTI PG. SALLEHUDDIN** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN DATO PADUKA HAJI SALLEHUDDIN BIN PENGIRAN HAJI YUSUF** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 3 MEI 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 09 April 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/ NO. 100/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MOHAMMAD BIN HAJI DAUD** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN HAJI TENGAH BIN PENGIRAN ANAK HASHIM** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 3 MEI 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 13 April 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/ NO. 88/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HARIS FADZILLAH BIN ABDULLAH** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH JOHAINUN BINTI HAJI SUHOT** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 3 MEI 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 16 April 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/ NO. 94/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOHAMMAD FAE'EZ BIN JUAHARI DAN MOHAMMAD NOOR AFFNIEE BIN JUAHARI** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **JUAHARI BIN MANSOR** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 3 MEI 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 12 April 2016.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**LA/ NO. 96/2016**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PG. KARIM BIN PG. HJ. BUSTAMAM** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AGUS AHYANI** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **PEMEGANG SURAT KUASA** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada 3 MEI 2016, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 12 April 2016.

**(MUHAMMAD AMIN LIM CHING)**
**Penolong Pegawai Waris**
**Negara Brunei Darussalam.**

# Sambutan Israk dan Mikraj 5 Mei



GAMBAR HIASAN... Sembahyang Kunci Syurga merupakan tema sambutan Israk dan Mikraj pada tahun ini.

***MELALUI peristiwa yang dialami sepanjang berlakunya Israk dan Mikraj Baginda itu, ia dapat dijadikan sebagai pengajaran yang meliputi aspek aqidah, syariah dan akhlak, kerana semasa peristiwa itu Baginda telah melihat beberapa kejadian aneh lagi pelik dan ajaib yang mana setiap kejadian itu boleh dijadikan iktibar dan pedoman hidup umat Islam di dunia ini.***

Oleh : Norliah binti Md. Zain
Foto: Jabatan Penerangan

SAMBUTAN hari kebesaran di negara ini terus dibesarkan dan disemarakkan, menggambarkan kegemilangan dan keagungan agama Islam di negara ini yang dijadikan sebagai cara hidup dalam masyarakatnya. Membesarkan sambutan-sambutan Hari Kebesaran Islam merupakan satu cara yang boleh mengukuhkan keyakinan rakyat dan penduduk terhadap nilai-nilai Islam sebagaimana hasrat Wawasan Brunei 2035.

Pada Hari Khamis, 5 Mei 2016 Masihi bersamaan dengan 27 Rejab 1437 Hijrah nanti, negara kita akan menyambut satu lagi peristiwa penting dalam Islam, iaitu Israk dan Mikraj.

**PERISTIWA**

Israk dan Mikraj merupakan satu peristiwa yang agung yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan tiada seorang Nabi mahupun Rasul yang diberi penghormatan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengalaminya. Oleh itu, peristiwa yang berlaku pada 27 Rejab itu merupakan satu mukjizat besar yang dianugerahkan kepada Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Israk adalah perjalanan malam Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin, manakala Mikraj pula ialah keadaan Baginda semasa terus dibawa ke langit ke tujuh dan Sidratul Muntaha.

Semasa peristiwa Israk dan Mikraj tersebut juga menemukan Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam dengan para Rasul seperti Nabi Adam, Nabi Yahya, Nabi Isa, Nabi Idris, Nabi Harun, Nabi Musa dan Nabi Ibrahim dari langit pertama hingga langit ke tujuh.

Melalui peristiwa yang dialami sepanjang berlakunya Israk dan Mikraj Baginda itu, ia dapat dijadikan sebagai pengajaran yang meliputi aspek aqidah, syariah dan akhlak, kerana semasa peristiwa itu Baginda telah melihat beberapa kejadian aneh lagi pelik dan ajaib yang mana setiap kejadian itu boleh dijadikan iktibar dan pedoman hidup umat Islam di dunia ini.

**SAMBUTAN**

Sambutan Israk dan Mikraj peringkat negara akan diadakan pada Hari Khamis, 5 Mei 2016 Masihi bersamaan 27 Rejab 1437 Hijrah di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas yang bertemakan 'Sembahyang Kunci Syurga'.

Antara pengisian acara pada sambutan itu nanti ialah bacaan Al-Quran dan kesimpulan makna, ceramah khas serta persembahan nasyid daripada Belia Masjid.

Pada majlis itu nanti, sebanyak tujuh agensi akan terlibat dalam penjualan buku, iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Mufti Kerajaan, Pusat Dakwah islamiah dan Jabatan Muzium-Muzium.

Bagi orang ramai yang berminat terhadap kaligrafi Islam pula, aktiviti seni kaligrafi Islam juga turut diadakan sebagai aktiviti sampingan pada majlis itu nanti. Ia dikendalikan oleh Kelab Kaligrafi Islam Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei yang mana akan terdapat satu pameran kecil dan jualan ayat-ayat kaligrafi. Orang ramai bolehlah membuat tempahan tulisan kaligrafi Islam pada hari tersebut.

Bagi mereka yang tidak berpeluang menghadiri sambutan itu di Pusat Persidangan Antarabangsa, orang ramai bolehlah menonton siaran langsung sambutan ini melalui televisyen pada saluran RTB 1, RTB 2, RTB 3, RTB 4 dan RTB 5.

Bersempena dengan Sambutan Israk dan Mikraj juga, beberapa acara iringan turut diadakan antaranya Bengkel Kesempurnaan Sembahyang anjuran Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kempen Sembahyang Berjemaah anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Taklimat Kefahaman Mengeluarkan Zakat anjuran Majlis Ugama Islam Brunei.

**MEMPERINGATI**

Sebagai tanda cinta dan patuh kepada ajaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, negara kita saban tahun mengadakan acara bagi memperingati peristiwa Israk dan Mikraj dalam pelbagai peringkat.

Misalnya baru-baru ini Karnival Kembara Islam 1437 Hijrah dianjurkan buat kali kedua dan ia dianjurkan oleh Battle Event Pro dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei Muara (DBM). Karnival telah diadakan selama empat hari bermula 28 April hingga 1 Mei di Dewan Muhibbah, Jabatan DBM, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas. Objektif Karnival Kembara Islam 1437H adalah untuk memperingati hari Israk dan Mikraj, di samping berkongsi kepada orang ramai mengenai keindahan Islam melalui karnival ini.

Selain itu, seperti lazimnya, jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian di negara ini masing-masing juga akan mengadakan acara sempena memperingati peristiwa tersebut.

Tujuan acara setentunya untuk memperlihatkan dan memberi kesedaran akan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala, memperingati dan membesarkan peristiwa agung Israk dan Mikraj junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mempunyai banyak rahsia dan hikmahnya. Melalui acara tersebut juga ia akan dapat mengeratkan silaturahim di antara pegawai dan kakitangan jabatan tersebut.

Walaupun format acara lazimnya berlainan di antara satu jabatan dengan jabatan yang lain, akan tetapi tujuannya tetap sama.

Memandangkan 5 Mei 2016 merupakan hari kelepasan awam bersempena dengan peristiwa tersebut, marilah kita sama-sama mengisi hari tersebut dengan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan dengan kita mengikuti dan memperingati peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ia akan dapat meningkatkan lagi keimanan dan ketakwaan kita demi mendapatkan keredhaan Allah Subhanahu Wata'ala dan seterusnya dapat meningkatkan keyakinan kita terhadap nilai-nilai Islam sepertimana hasrat kita ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.







WALAUPUN format acara lazimnya berlainan di antara satu jabatan dengan jabatan yang lain, seperti mengadakan ceramah atau forum, akan tetapi tujuannya tetap sama, iaitu untuk memperlihatkan dan memberi kesedaran akan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala, memperingati dan membesarkan peristiwa agung Israk dan Mikraj Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mempunyai banyak rahsia dan hikmahnya.

# Tradisi Pesta Mengamping perlu dikekalkan

Berita dan Foto : Ihsan Pejabat Daerah Temburong

**TEMBURONG**, Sabtu, 23 April. - Majlis Perundingan Kampung Piasau-Piasau, Mukim Labu Daerah Temburong menganjurkan Pesta Mengamping yang berlangsung berdekatan Balai Raya Kampung Piasau-Piasau, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

Turut hadir, Penghulu Mukim Labu, Awang Haji Abdurahman bin Haji Nasir, selaku Pengerusi Majlis; Penghulu-penghulu Mukim, Ketua-ketua Kampung, Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Daerah Temburong.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa yang dipimpin oleh Imam Masjid Kampung Labu Estate.

Atur cara majlis dimuatkan dengan Peraduan Mengamping di antara mukim-mukim di daerah tersebut.

Pesta berkenaan antaranya bertujuan untuk menghidupkan budaya orang-orang dahulu setelah selesai menuai padi yang digelar 'mengatam' di mana setelah acara mengatam akan diadakan satu upacara, iaitu 'mengamping'.

Budaya berkenaan pada masa ini semakin pupus, justeru ia patut dikekalkan dan diteruskan kepada generasi baharu pada masa ini.



PEGAWAI Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah (kanan) selaku tetamu kehormat tidak ketinggalan untuk sama-sama mengikuti aktiviti mengamping yang merupakan budaya orang-orang dahulu setelah selesai menuai padi.

# 'Under-The-Ground' pamer produk seni kreatif



PENOLONG Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. David Koh (tengah) hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan 'Under-The-Ground UBD Arts Market' di tempat letak kereta lantai bawah Bangunan Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**TUNGKU LINK,** Jumaat, 22 April. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) buat pertama kalinya menganjurkan 'Under-The-Ground UBD Arts Market' bertempat di tempat letak kereta lantai bawah Bangunan Dewan Canselor, UBD.

Pameran yang berkonsepkan 'pasar seni' itu adalah anjuran mahasiswa / mahasiswi Jurusan Media di bawah Modul AC-4312 Event Design dengan kerjasama Office of Promotions and Events Management (OPEM).

Penolong Naib Canselor UBD (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. David Koh hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan pameran yang diadakan selama tiga hari itu.

Pameran tersebut mempamerkan produk-produk seni kreatif hasil kerja tangan anak Brunei yang menyertai pameran berkenaan.

Antara objektif pameran adalah untuk menyediakan platform bagi penggiat seni tanah air untuk mempamerkan hasil kreativiti mereka.

Dengan matlamat untuk menyokong agenda Wawasan 2035 Pembangunan Sumber Manusia negara menerusi penggalakan seni di negara ini, pihak penganjur percaya inisiatif itu merupakan waktu yang sesuai, terutama apabila mengambil kira usaha-usaha kerajaan sendiri dalam mempelbagaikan dan memperkukuhkan kreatif industri seni negara.

Pameran tersebut telah dihasilkan dari awal hingga akhir oleh para mahasiswa / mahasiswi sendiri dan dibantu oleh Pensyarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial (FASS), Dr. Chris Woo selaku penasihat.

Mereka yang terlibat di dalam menyelenggarakan acara ini akan diberi markah berdasarkan hasil dari acara tersebut.

Untuk maklumat lanjut bolehlah melayari akaun Instagram@ubdartsmarket dan *hashtag #ibelieveinartbn.*

# Sumbangan bantuan bagi saudara baharu

Oleh :
Rohani Haji Abdul Hamid
Foto :
Mohd. Asri Haji Mohd. Abas

**MENTIRI,** 26 April. - Kebajikan saudara-saudara baharu di negara ini terus diberikan perhatian oleh pelbagai pihak yang berkepentingan terutama Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Dalam usaha pusat berkenaan untuk terus memikul tanggungjawab memberikan perhatian kepada saudara-saudara baharu di negara ini, PDI telah menyerahkan bantuan berupa enjin mesin rumput kepada saudara baharu di daerah ini, Awang Alif Safwan bin Abdullah @ Gui Yang Khiong.

Majlis Penyerahan Bantuan tersebut berlangsung di Kampung Sibabau, Mentiri.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian mesin rumput berkenaan ialah Pemangku Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf PDI, Dayang Hajah Siti Rahmah binti Haji Julahi.

Penyerahan bantuan seumpamanya adalah sebagai salah satu syiar dakwah kepada muallaf di negara ini dan juga membantu para muallaf agar sentiasa berdikari demi untuk kebersihan diri dan kawasan halaman tanpa meminta bantuan dari mana-mana pihak.

Selain itu, ia juga merupakan salah satu usaha dan rasa pemedulian PDI kepada muallaf yang memerlukan bantuan dan salah satu metode dakwah kepada mereka yang bukan beragama Islam, di samping memperlihatkan pemedulian PDI kepada saudara baharu.



SAUDARA baharu, Awang Alif Safwan bin Abdullah @ Gui Yang Khiong mencuba mesin baharu yang diterima.

# Pelbagai aktiviti disediakan di Mini Karnival Jabatan Penerangan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG**, Selasa, 26 April. - Mini Karnival sempena Sambutan Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun, dilaratkan ke Daerah Tutong, bertempat di ruang legar Petani Mall, di sini.

Hadir melancarkan Mini Karnival tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dan diteruskan dengan perasmian bagi pelancaran Mini Karnival bagi Daerah Tutong.

Mini Karnival di daerah ini diadakan selama dua hari dengan pengisian berbagai program dan aktiviti yang disusun, antaranya kuiz penerangan; kuiz kenegaraan; Kuiz Unit Hal Ehwal Antarabangsa; Peraduan Mewarna Mini Karnival jabatan berkenaan; Instagram Hunt; Meneka Bilangan Naskhah Pelita Brunei; *Mini Foto Race* dan lain-lain lagi.

Jabatan Penerangan ditubuhkan pada 1 April 1952 dan dahulunya dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan.

Antara peranan jabatan berkenaan ialah untuk memupuk dan memelihara semangat cintakan raja dan negara, mengendali pengurusan dan ehwal hubungan dengan media serta mengendali aktiviti publisiti dan promosi bagi acara-acara kebesaran.

Jabatan ini juga menerbitkan Pelita Brunei selaku akhbar rasmi kerajaan setiap Isnin, Rabu dan Sabtu, sementara orang ramai boleh melayari Pelita Online setiap hari melalui *www.pelitabrunei.gov.bn* untuk mengetahui berita-berita harian.

Di samping itu, orang ramai juga boleh melayari dan mengikuti media sosial Jabatan Penerangan di laman *Facebook : Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,* akaun *Instagram: @infodept.bn* dan akaun *Twitter : @infodept_bn.*



PELBAGAI jenis aktiviti dan kuiz yang menguji minda dan pengetahuan pengunjung diadakan di Mini Karnival sempena Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-64 Tahun bagi Daerah Tutong.

# Brunei sertai Kejohanan Boling Padang Labuan

Siaran Akhbar dan Foto : Kelab Boling Padang Wisdom

**LABUAN**, Khamis, 28 April. - Kelab Boling Padang Wisdom (WBC) dari Negara Brunei Darussalam telah menghantar lima pasukan untuk menyertai Kejohanan Boling Padang Pairs Piala Ahli Parlimen Labuan sempena Sukan Laut Antarabangsa 2016 yang berlangsung pada 28 April hingga 1 Mei 2016 di Arena Boling Padang Antarabangsa Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia.

Pada kejohanan kali ini, WBC diwakili oleh 10 pemain yang terdiri dari dua pasukan senior, satu pasukan pelapis dan dua pasukan remaja di bawah bimbingan Ketua Jurulatih WBC, Awang Haji Abdul Ghafar bin Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Mohd. Taha.

Penyertaan dua pasukan remaja pada kali ini adalah penampilan mereka yang pertama pada peringkat antarabangsa dan adalah menjadi hasrat WBC agar penyertaan mereka ini akan menjadi satu pendedahan yang berharga, di samping menimba sebanyak mungkin pengalaman bersaing dengan para pemain yang jauh lebih berpengalaman dalam sukan boling padang.

Sementara itu, WBC turut mempertaruhkan dua pemain pelapisnya, Awang Muhd. Arif Haji Amli yang bergandingan dengan Awang Muhd. Waie Badiuzzaman Ahmad yang pernah memenangi pingat gangsa pada Kejohanan Asia Bowls Kategori Remaja Bawah 25 Tahun dengan meletakkan sasaran awal untuk melangkah ke peringkat suku akhir.

Sekalipun persiapan dan latihan sudah dibuat sejak dua bulan yang lepas namun WBC tidak meletakkan sasaran terlalu tinggi pada kejohanan kali ini memandangkan penyertaan pasukan luar yang dijangka akan menyukarkan peluang dalam perebutan gelaran juara.

Selain pasukan dari Brunei, kejohanan ini turut disertai oleh beberapa pasukan dari Semenanjung Malaysia, Singapura, China termasuk negeri Sabah, Sarawak dan tuan rumah Labuan.



PEMAIN Kelab Boling Padang Wisdom (WBC) bergambar ramai di Arena Boling Padang Antarabangsa Wilayah Persekutuan Labuan selepas menjalani sesi latihan menjelang kejohanan.

# 30 guru tamatkan Kursus Pengadilan Pingpong



AKSI bagaimana cara-cara bermain pingpong.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**LAMBAK KANAN**, Khamis, 28 April. - Kursus Pengadilan Pingpong Bagi Guru-Guru Sekolah-Sekolah Rendah, Menengah, Maktab-Maktab dan Pusat Pengajian Tinggi yang telah diadakan selama empat hari berakhir dengan Majlis Penutup Rasmi kursus berkenaan di Dewan Sekolah Lambak Kanan Jalan 10, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Penolong Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Roslin bin Suhailee.

Seramai 30 peserta terdiri daripada guru-guru sekolah menyertai kursus dalam bidang Pengadilan Pingpong yang dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPK), Kementerian Pendidikan melalui Unit Jasmani.

Objektif utama bengkel adalah untuk memberikan pendedahan kepada pengurus dan jurulatih pingpong serta guru pendidikan jasmani mengenai undang-undang sukan pingpong mengikut undang-undang ITTF dan memberikan peluang kepada peserta kursus untuk menjadi pengadil bagi kejohanan sukan pingpong di sekolah-sekolah rendah, menengah dan maktab- maktab serta kejohanan yang dianjurkan Kementerian Pendidikan.

Pada masa yang sama, ia juga sebagai langkah persediaan JPK untuk menyediakan pengadil bagi acara Pesta Sukan Sekolah-Sekolah Rendah yang akan diadakan pada bulan November ini.

Kursus merupakan projek tahunan Unit Jasmani untuk membantu guru-guru dalam mendalami dan memahami sukan pingpong terutama kepada guru-guru yang baru berkecimpung dalam sukan ini.

Di samping itu, ia juga untuk memperbanyakkan lagi pengadil yang berkebolehan dalam kalangan guru-guru sekolah seterusnya membantu guru pendidikan jasmani dan jurulatih pingpong dalam pengajaran sukan pingpong di sekolah-sekolah.

## AlaiPintar

PELITA BRUNEI AKHBAR RASMI KERAJAAN, DIBERIKAN PERCUMA KEPADA RAKYAT; RAJIN MEMBACA LUAS PENGETAHUAN, ALAI JAWABLAH SOALAN TERCATAT.

SOALAN ALAI PINTAR **001**

## SOALAN 2 MEI 2016, ISNIN

Bilakah Negara Brunei Darussalam memperoleh kemerdekaan penuh dan berdaulat?

..........................................................................................

..........................................................................................

..........................................................................................

**TARIKH TUTUP : 5 Mei 2016, Khamis.**

**HADIAH PEMENANG:**

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA. UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER KEDAI BUKU DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) SEBANYAK BND10.00.

**SYARAT PERADUAN :**

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan.
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :

**Sidang Pengarang, ALAI PINTAR**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**

Nama: ..........................................
Tarikh Lahir : ..........................................
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : ..........................................
Sekolah : ..........................................
Tahun : ..........................................
Alamat : ..........................................
..........................................
Nombor Telefon (mudah dihubungi) : ..........................................

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : ***www.pelitabrunei.gov.bn***

**KELUARGA SAKINAH MAWADDAH WARAHMAH KELUARGA BERWAWASAN**

دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جابتن ڤرچيتقن كراجان، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.